

BAB LIMA

PEMAKAIAN DOKUMEN PERSENDIRIAN DALAM KES HIBAH DI MAHKAMAH SYARIAH DI MALAYSIA

5.1. Pengenalan

Penggunaan dokumen sebagai kaedah pembuktian dalam kes-kes pengesahan hibah di mahkamah syariah semakin menjadi pilihan masyarakat pada masa kini. Fungsi dokumen hibah ini telah memberi impak positif kepada masyarakat dan industri perancangan dan pengurusan harta orang Islam kerana memudahkan pemberi hibah mencapai hasrat mereka. Bahkan perkembangan ini juga dibuktikan dengan bertambahnya permohonan pengesahan hibah di mahkamah syariah. Sebagai contoh di Selangor, statistik menunjukkan berlaku peningkatan yang ketara terhadap permohonan pengesahan hibah pada setiap tahun⁸⁷⁵ berdasarkan statistik berikut:

Tahun	Permohonan Pengesahan Hibah
2015	28
2016	48
2017	68
2018	73
2019	130
2020	71
Jumlah	418

Jadual 12. Permohonan Pengesahan Hibah di Selangor.

5.2. Dokumen Hibah

Dapatan ini diperkukuhkan lagi dengan hasil kajian lain yang merumuskan bahawa dokumentasi hibah memainkan peranan penting dalam mengelakkan pertikaian berkaitan

⁸⁷⁵ Mohd Tajudin Saifullah bin Abdul Wahab. Pendaftar. Mahkamah Tinggi Syariah Selangor JAKESS. “Statistik Pendaftaran Kes Pengesahan Hibah di Selangor”. (Temu bual). 20 Oktober 2020.

dengan harta selepas kematian penghibah.⁸⁷⁶ Sesuatu hibah yang dilaksanakan mestilah memenuhi rukun iaitu pemberi hibah, penerima hibah, harta yang dihibah, lafaz *ijāb* dan *qabūl*. Selain rukun, terdapat satu lagi perkara yang penting bagi memastikan satu-satu hibah itu mengikat dan berkuat kuasa, iaitu *qabd* (pindahan milik).⁸⁷⁷ Selain dinyatakan setiap rukun dan syarat hibah, persetujuan serta penerimaan oleh kedua-dua pemberi dan penerima hibah secara tidak langsung akan memudahkan proses pengesahan hibah di mahkamah syariah kelak.⁸⁷⁸ Berdasarkan analisa yang dijalankan oleh pengkaji ke atas semua sampel kes yang dipilih, pengkaji mendapati dokumen hibah yang disediakan ini mengandungi maklumat berkaitan dengan rukun; syarat-syarat hibah yang telah ditentukan serta maklumat berkenaan dengan dua orang saksi yang menyaksikan hibah tersebut sebagaimana berikut:

a. Pemberi Hibah

Nama dan pengenalan pemberi hibah hendaklah tepat dan lengkap. Selain itu pemberi hibah hendaklah dalam keadaan yang sihat semasa hibah dilakukan; harta yang hendak dihibahkan adalah milik mutlak pemberi hibah; dan hibah tersebut hendaklah dibuat secara sukarela tanpa paksaan.

b. Penerima Hibah

Dalam hal penerimaan hibah, pemberi hibah boleh menamakan sesiapa sahaja sebagai penerima hibah sama ada Islam ataupun bukan Islam. Selain itu penerima hibah tidak

⁸⁷⁶ *ibid.* p. 125.

⁸⁷⁷ Nurul Najwa Saad, Mohd Zaidi Daud & Mohd Norhusairi Mat Hussin. 2023. "Penghakiman Hibah di Mahkamah Syariah: Tinjauan Terhadap Kes-kes yang Diputuskan dalam Jurnal Undang-undang Terpilih Tahun 2014 hingga 2019". *Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia*. Vol. 35. No. 2. pp. 333–366.

⁸⁷⁸ Abd Latib, N. A., & Ahmadun, M. 2022. Kepentingan Deklarasi Hibah kepada Pengukuhan Institusi Keluarga di Malaysia. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*. Kota Bharu: Academic Inspired Network. Vol. 7. p. 243.

ditentukan sama ada baligh ataupun belum baligh. Sekiranya penerima hibah seorang yang boleh menguruskan sendiri hartanya, maka penerima hibah boleh menerima secara langsung daripada pemberi hibah untuk menguruskan harta tersebut. Sebaliknya, sekiranya penerima hibah merupakan individu yang tidak mempunyai kemampuan untuk menguruskan harta, maka penerimaan hibah hendaklah dilakukan oleh walinya, dan wali kepada penerima hibah itulah nanti yang akan menguruskan harta tersebut untuk manfaat penerima hibah.

c. Barang atau Harta yang D hibahkan

Harta yang hendak diberikan oleh pemberi hibah hendaklah dimiliki secara mutlak oleh pemberi hibah; tidak terikat atau tidak mempunyai sebarang sekatan dari sudut undang-undang mahupun hukum syarak. Harta yang dihibahkan ini juga mestilah harta yang bermanfaat dan bernilai. Dari aspek pemilikan harta pula, pemilikan tersebut boleh dibuktikan oleh pemberi hibah seperti melalui geran tanah, geran kenderaan atau apa-apa dokumen yang berkaitan apabila diperlukan.

d. *Sīghat*

Sīghat atau *ijāb* dan *qabūl* sebagai salah satu rukun hibah kebiasaannya bergantung pada jenis hibah yang hendak dikuatkuasakan oleh pemberi hibah, sama ada hibah mutlak atau bersyarat. Apapun bentuk atau jenis hibah yang akan dilaksanakan, lafaz *ijāb* dan *qabūl* (*sīghat*) tersebut akan dimasukkan ke dalam dokumen hibah secara bertulis dan akan dilafazkan dalam satu majlis. Lafaz *ijāb* yang akan dilafazkan oleh pemberi hibah adalah seperti, “Aku hibahkan harta ini kepada si polan...” dan lafaz *qabūl* oleh penerima hibah adalah seperti, “Aku terima harta ini.”

e. Qabd

Qabd ditafsirkan sebagai tindakan penerima hibah untuk menerima serahan; memegang; menguasai barang yang diberi oleh pemberi hibah; dan menjadikan barang itu sebagai harta miliknya. Ia merupakan syarat penting kepada penyempurnaan suatu hibah yang dibuat. *Qabd* boleh dibuktikan oleh penerima hibah melalui perbuatan atau tindakan seperti serahan kunci; menjaga harta hibah; mengusahakan harta hibah; membayar cukai harta hibah; memegang buku akaun; pemegangan geran tanah; dan sebarang tindakan lain yang bersesuaian untuk menunjukkan bahawa pemilikan barang hibah oleh penerima.

f. Saksi

Proses perisytiharan hibah yang dibuat melalui dokumentasi hibah hendaklah memasukkan butiran dan pengenalan diri dua orang saksi lelaki. Kedua-dua saksi ini hendaklah hadir semasa majlis perisytiharan hibah berlaku dan melihat proses pemberian dan penerimaan hibah serta menurunkan tanda tangan di tempat yang dikhususkan untuk saksi tersebut. Kehadiran kedua-dua saksi ini amat penting dan berperanan sebagai saksi yang boleh mengesahkan kewujudan dokumen hibah tersebut di mahkamah syariah sekiranya dokumen tersebut dipertikaikan.⁸⁷⁹ Saksi merupakan elemen yang penting untuk diletakkan dalam setiap penyediaan borang hibah ataupun hibah yang dibuat secara lisan agar hak-hak pihak yang berakad dapat diserahkan dengan adil. Saksi-saksi yang dikemukakan juga perlulah menepati kehendak undang-undang dan syarak contohnya mereka tidak mempunyai unsur tohmahan sebagai pihak-pihak yang bertikai.⁸⁸⁰

⁸⁷⁹ Adilah Mohd Sa'afie & Mohd Zamro Muda. 2018. "Garis Panduan dalam Penyediaan Borang Hibah di Mahkamah Tinggi Syariah". *Journal of Contemporary Islamic Law*. Bangi: Penerbit UKM. Vol. 3. No. 1. p. 5.

⁸⁸⁰ Amirul Adli & Noor Lizza Mohamed Said. 2018. "Keperluan Saksi dalam Permohonan Pengesahan Kes Hibah di Mahkamah Syariah". *Journal of Contemporary Islamic Law*. Bangi: Penerbit UKM. Vol. 3. No. 2. p. 26.

Dalam konteks pembuktian, dokumen ini berperanan sebagai bukti kewujudan hibah itu sendiri kerana pertikaian mengenai hibah sering kali berlaku terutamanya selepas kematian pemberi hibah.⁸⁸¹ Secara amnya, sifat permohonan pengesahan kes hibah di mahkamah syariah di Malaysia adalah berkaitan dengan kesahihan sesuatu hibah yang dibuat sebelum boleh dikuatkuasakan oleh pihak-pihak. Kajian telah membuktikan bahawa dokumen hibah yang dikeluarkan oleh syarikat swasta boleh dijadikan sebagai bukti yang kukuh wujudnya transaksi hibah antara pihak-pihak.⁸⁸² Walau bagaimanapun, penerimaan atau penolakan sesuatu dokumen tersebut hendaklah dibuat berdasarkan peruntukan undang-undang keterangan yang berkuat kuasa.

5.3. Penggunaan Dokumen Persendirian dalam Kes-Kes Hibah

Kajian ini tidak bergantung pada statistik kes hibah yang didaftarkan mahupun telah diselesaikan tetapi memberi fokus pada kes hibah yang mempunyai alasan penghakiman bagi menjawab persoalan kajian yang telah ditetapkan. Berdasarkan data, terdapat sebanyak 97 kes hibah yang telah diputuskan oleh mahkamah syariah di seluruh Malaysia dan mempunyai alasan penghakiman bagi tempoh kajian pengkaji iaitu bermula tahun 2015 hingga 2020.

Permohonan atau tuntutan pengesahan hibah di mahkamah ini boleh dibahagikan kepada dua iaitu pengesahan hibah yang dibuat secara lisan sebanyak 62 kes dan kedua, pengesahan hibah yang dibuat melalui dokumen. Oleh sebab pengkaji meletakkan tumpuan

⁸⁸¹ Mohd Zamro Muda & Noor Lizza Mohamed Said. 2015. "Signifikan Hibah Sebagai Instrumen Perancangan Harta Orang Islam di Malaysia". *Prosiding Persidangan Antarabangsa Fiqh Semasa & Perundangan Islam 2015 (PAFSPI 2015)*. Batam, Indonesia: Hotel Allium. 19 Dis. p. 355.

⁸⁸² Nurul Syuhadah Azalan & Noor Lizza Mohamed Said. 2019. "Kedudukan Dokumen Hibah Berdasarkan Kes Pengesahan Hibah di Mahkamah Syariah". *Prosiding Cabaran Pengajian Islam Dalam Era Revolusi Industri 4.0*. KUIPSAS. Pahang. 25-26 Sept. pp. 130-134.

pada pemakaian dokumen hibah di mahkamah syariah, maka pengkaji hanya menganalisis kes-kes hibah yang menggunakan dokumen hibah sahaja. Pengkaji membahagikan pemakaian dokumen hibah ini kepada dua bahagian iaitu dokumen hibah fizikal dan dokumen hibah elektronik dengan analisisnya akan dijelaskan seperti berikut:

5.3.1. Dokumen Fizikal

Dokumen fizikal ini bermaksud dokumen hibah yang disediakan sama ada menggunakan tangan atau komputer dan mempunyai naskhah asal dokumen tersebut. Dokumen ini digunakan untuk membuktikan kewujudan hibah tersebut apabila dipertikai di mahkamah syariah. Berdasarkan data yang diperolehi dari seluruh Mahkamah Syariah di Malaysia, pengkaji mendapati sebanyak 21 kes hibah yang menggunakan dokumen hibah telah diputuskan oleh mahkamah syariah dan alasan penghakiman telah disediakan semasa kes diputuskan seperti dalam jadual berikut:

Peringkat Mahkamah	Negeri	Jumlah Alasan Penghakiman
Mahkamah Tinggi Syariah	Selangor	11
	Terengganu	4
	Sabah	2
	Perak	1
	Negeri Sembilan	1
	Kuala Lumpur	2
	Jumlah	6

Jadual 12. Alasan Penghakiman tuntutan pengesahan hibah berdasarkan negeri.

Tuntutan pengesahan hibah yang difailkan akan didengar dan dibicarakan di Mahkamah Tinggi Syariah berdasarkan bidang kuasa yang diberikan oleh Akta Pentadbiran Undang-undang Islam atau Enakmen Pentadbiran Agama Islam atau Enakmen Mahkamah

Syariah Negeri.⁸⁸³ Selain itu, perbicaraan tuntutan pengesahan hibah ini dijalankan di mahkamah tinggi syariah disebabkan kerumitan dalam menentusahkan hibah itu sendiri. Pengkaji menganalisis alasan penghakiman kes hibah yang diputuskan oleh hakim-hakim Mahkamah Tinggi Syariah dalam menyempurnakan kajian ini kerana proses penerimaan dan penolakan pemakaian dokumen persendirian hanya berlaku di hadapan hakim yang membicarakan kes tersebut. Pengkaji hanya merujuk alasan penghakiman di peringkat mahkamah rayuan syariah sekiranya ada isu keputusan berkaitan penerimaan dokumen persendirian tersebut dirayu oleh pihak-pihak. Semua kes yang di analisa dan dijadikan sampel dalam bab ini adalah kes yang telah diputuskan secara muktamad kerana tiada rayuan telah dibuat ke atas kes tersebut kecuali dinyatakan secara jelas dalam kajian ini. Analisis pengkaji berkaitan dengan alasan penghakiman adalah seperti berikut:

a. *Norbina binti Nordin lwn Nur Rashidah binti Razuan dan Razuan bin Abas*⁸⁸⁴

Plaintif telah menghibahkan beberapa harta tak alih kepunyaan Plaintif kepada Defendan 1 dan Defendan 2 pada 7 November 2017. Plaintif memberikan (hibah) harta-harta tak alih tersebut sejak sekian lama dan telah menyediakan satu dokumen hibah secara bertulis bagi membuktikan pemberian tersebut dalam tempoh hayat Plaintif, dan dimanfaatkan bersama Defendan 1 dan Defendan 2. Mahkamah mengisytiharkan dan mengesahkan pemberian hibah oleh Plaintif dan Defendan 2 pada 13.12.2017.

⁸⁸³ Adilah Mohd Sa'afie & Mohd Zamro Muda. 2018. "Garis Panduan dalam Penyediaan Borang Hibah di Mahkamah Tinggi Syariah". *Journal of Contemporary Islamic Law*. Bangi: Penerbit UKM. Vol. 3. No. 1. p. 3.

⁸⁸⁴ *Norbina binti Nordin lwn Nur Rashidah binti Razuan dan Razuan bin Abas*. Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Sembilan. Seremban. Kes Mal No.: 05200-044-0225-2016.

Komentar:

Pengkaji mendapati Yang Arif Hakim dalam kes ini telah meluluskan tuntutan Plaintiff hanya berdasarkan pliding pihak-pihak dan dokumen hibah yang dikemukakan sahaja. Pengkaji mendapati keputusan yang dibuat oleh Yang Arif Hakim ini bersandarkan dokumen hibah dan pengakuan Plaintiff sebagai pemberi hibah. Namun Yang Arif Hakim tidak menyatakan alasan di atas keputusannya meluluskan tuntutan Plaintiff melainkan telah memenuhi rukun dan syarat hibah. Yang Arif Hakim juga tidak membuat sebarang ulasan berkaitan alasan penerimaan dokumen tersebut dan dokumen tidak diberikan sebarang penandaan sebagai bukti diterima ke dalam mahkamah melalui perbicaraan.

Pengkaji juga mendapati Yang Arif Hakim hanya mengulas berkaitan dengan rukun hibah berdasarkan syarak tanpa memberikan fakta yang berkaitan dengan pembuktian rukun-rukun dan syarat hibah sama ada dipenuhi atau sebaliknya. Pengkaji mendapati Yang Arif Hakim tidak membuat sebarang penjelasan secara terperinci berkaitan penyedia dokumen hibah tersebut di dalam alasan penghakimannya. Namun pengkaji percaya bahawa penerimaan dokumen hibah tersebut adalah dokumen hibah tersebut dan juga pengakuan pemberi hibah sendiri.

b. Zaiton binti Mohamod lwn Khursiah Jan binti Wali Ahmad dan 3 Yang Lain⁸⁸⁵

Pada 2 Oktober 2014, Plaintiff telah memfailkan satu tuntutan untuk mengesahkan hibah yang dibuat oleh arwah suaminya terhadap sebidang tanah bersama-sama sebuah rumah. Si mati telah membuat hibah ini pada 23 September 2012 dan telah menandatangani satu *Surat Ikatan Amanah Hibah* yang di tanda sebagai P-4. *Surat Ikatan Amanah Hibah* tersebut telah

⁸⁸⁵ *Zaiton binti Mohamod lwn Khursiah Jan binti Wali Ahmad dan 3 Yang Lain*. Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Selangor. Shah Alam. Saman No.: 10300-044-0503-2014.

disempurnakan di hadapan Plaintiff, Defendan 1, Defendan 2, Defendan 3 dan juga dua orang saksi lelaki di rumah mereka. Mahkamah meluluskan tuntutan pengesahan hibah Plaintiff. Yang Arif dalam kes ini memutuskan untuk menerima Surat Ikatan Amanah Hibah yang didakwa sebagai dibuat oleh si mati berdasarkan keterangan dua orang saksi yang menyaksikan dokumen tersebut disempurnakan. Yang Arif Hakim berpuas hati bahawa kesemua rukun hibah tersebut telah dibuktikan melalui Surat Ikatan Hibah dan 2 orang saksi sebagai bayinah. Mahkamah telah meluluskan tuntutan pengesahan hibah Plaintiff tersebut pada 24.03.2015.

Komentar:

Pengkaji mendapati Yang Arif Hakim telah menerima Surat Ikatan Amanah Hibah yang didakwa sebagai dibuat oleh si mati setelah disokong dengan keterangan dua orang saksi. Yang Arif Hakim berpuas hati bahawa kesemua rukun hibah tersebut telah dibuktikan melalui *Surat Ikatan Amanah Hibah* dan dua orang saksi tersebut sebagai bayinah. Pengkaji mendapati bahawa dokumen Surat Ikatan Amanah hibah tersebut telah dibuat penandaan P-4 sebagai bukti penerimaan masuk dokumen tersebut sebagai keterangan. Yang Arif Hakim juga tidak menjelaskan alasan penerimaan dokumen tersebut ke dalam mahkamah. Pengkaji mendapati Yang Arif Hakim tidak membuat sebarang penjelasan secara terperinci berkaitan penyedia dokumen hibah tersebut di dalam alasan penghakimannya. Walaupun begitu, pengkaji mendapati bahawa penerimaan dokumen hibah tersebut berdasarkan dokumen asal dan dibuktikan dengan keterangan dua orang saksi yang menyaksikan dokumen itu disempurnakan.

*c. Abdul Wafry Nur Iman bin Abdul Manan lwn Abdul Mukhriz Nur Iman bin Abdul Manan dan 7 Yang Lain*⁸⁸⁶

Plaintif telah memohon mahkamah untuk mengesahkan hibah si mati, Abdul Manan bin Abdul Rashid, kepada Plaintif atas harta yang berupa saham Syarikat Evetronics (M) Sdn. Bhd. (No. Syarikat: 208296-M) berjumlah 450,001 unit. Pada 13 Mac 2014, simati telah pergi ke pejabat Tetuan Syed Mohamad & Associates untuk membuat satu dokumen Surat Pengisytiharan Hibah secara sukarela. Mahkamah telah menandakan Salinan Surat Pengisytiharan Hibah bertarikh 10 Oktober 2019 sebagai P-8 manakala dokumen pemilikan syarikat pula ditandakan sebagai P-7. Pada 28.11.2019, mahkamah telah meluluskan tuntutan Plaintif. Mahkamah dalam penghakimannya menyatakan bahawa dokumen perisytiharan hibah tersebut telah memenuhi semua rukun dan syarat yang ditetapkan dan dibuktikan dengan pengakuan pihak-pihak.

Komentar:

Pengkaji mendapati Yang Arif Hakim telah menerima dokumen Salinan Surat Pengisytiharan Hibah selepas ditandai sebagai P-8. Penerimaan ini boleh difahami atau dibuat berdasarkan ulasan hakim bahawa Defendan tidak membantah tuntutan Plaintif melalui pemfailan affidavit persetujuan yang menyebabkan fakta berkaitan dengan dokumen hibah tidak perlu dibuktikan berdasarkan Seksyen 45 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Perak) 2004. Mahkamah telah meluluskan tuntutan Plaintif berdasarkan alasan dokumen perisytiharan hibah tersebut telah membuktikan semua rukun dan syarat hibah yang ditetapkan. Namun Yang Arif Hakim tidak menjelaskan perbezaan

⁸⁸⁶ *Abdul Wafry Nur Iman bin Abdul Manan lwn Abdul Mukhriz Nur Iman bin Abdul Manan dan 7 Yang Lain*. Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Perak. Ipoh. Kes Mal No.: 08100-044-0100-2019.

di antara kesan tidak membantah dengan mengakui dakwaan di dalam pliding pihak-pihak. Pengkaji mendapati bahawa dokumen Surat Pengisytiharan Hibah dalam kes ini telah disediakan oleh firma guaman iaitu Tetuan Syed Mohamad & Associates. Oleh yang demikian, penerimaan dokumen Plaintiff ini setelah dibuktikan dengan pengakuan dan dokumen asal seperti yang diperuntukkan di bawah Seksyen 56 EKMS Perak.

d. Pengesahan Hibah Noor Zanah binti Dani⁸⁸⁷

Dalam kes ini, Pemohon memfailkan permohonan bagi mengesahkan dan mengisytiharkan bahawa Surat Keterangan Menyerahkan Milik Tanah yang ditandakan sebagai Eksihibit “NZ-1” bertarikh 26hb September 2017 yang telah dibuat oleh Pemberi Hibah merupakan hibah atau pemberian yang sah mengikut hukum syarak dan undang-undang. Penyempurnaan Surat Ikatan Hibah tersebut disaksikan oleh dua orang saksi. Kedua-dua orang saksi yang dikemukakan di mahkamah mengaku bahawa mereka telah menyaksikan Pemberi Hibah membuat surat penyerahan berkenaan. Pemohon bernama Puan Haslinah binti Rudin dari Tetuan Sazaly Donol Mohd & Co di Lahad Datu yang menyediakan Dokumen Hibah tersebut hadir di Mahkamah dan memberikan keterangan pengesahan hal tersebut. Yang Arif Hakim juga mengiktiraf bahawa dokumen Surat Ikatan Hibah itu juga telah membuktikan elemen *al-qabd* dalam kes ini. Yang Arif Hakim meluluskan tuntutan Plaintiff berdasarkan dokumen perisytiharan hibah tersebut telah membuktikan semua rukun dan syarat yang ditetapkan pada 8.11.2017.

⁸⁸⁷ *Pengesahan Hibah Noor Zanah binti Dani*. Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Sabah. Tawau. Kes Mal No.: 12400-044-0590-2017.

Komentar:

Pengkaji mendapati Yang Arif Hakim menerima dokumen tersebut sebagai pembuktian berdasarkan keterangan dua orang saksi yang menyaksikan dokumen itu disempurnakan. Namun Yang Arif Hakim tidak membuat sebarang ulasan di dalam penghakimannya berkaitan dengan penerimaan dokumen hibah. Selain itu, Yang Arif Hakim tidak mengulas berkaitan dengan keperluan kepada bukti lain selain Surat Ikatan Hibah seperti geran atau seumpamanya bagi membuktikan harta hibah. Hal ini kerana tiada sebarang dokumen lain dikemukakan dalam perbicaraan kes ini selain Surat Ikatan Hibah itu sahaja. Yang Arif Hakim telah memberi nilai probatif yang tinggi kepada Surat Ikatan Hibah ini kerana dokumen ini diterima untuk membuktikan kewujudan dokumen dan hibah termasuklah elemen *qabd*. Pengkaji mendapati bahawa dokumen Surat Pengisytiharan Hibah dalam kes ini telah disediakan oleh firma guaman iaitu Tetuan Sazaly Donol Mohd & Co. pengkaji mendapati bahawa penerimaan dokumen hibah tersebut berdasarkan dokumen asal dan dibuktikan dengan keterangan dua orang saksi yang menyaksikan dokumen itu disempurnakan.

***e. Rabiya binti Mohamad Sultan lwn Hamedah binti Mohamad Sultan dan 7 Lain*⁸⁸⁸**

Plaintif telah memfailkan suatu tuntutan untuk mengesahkan hibah yang dibuat oleh arwah ibu kepada Plaintif dan Defendan bagi tiga (3) hartanah. Lafaz *sīghat* hibah daripada si mati adalah melalui dokumen Perjanjian Hibah bertarikh 28 Oktober 2008 yang mengandungi enam fasal berkenaan pengagihan hibah. Dakwaan Plaintif ini disokong oleh SP1 dan SP2

⁸⁸⁸ *Rabiya binti Mohamad Sultan lwn Hamedah binti Mohamad Sultan dan 7 Yang Lain*. Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Selangor. Shah Alam. Kes Mal No.: 10200-044-0503-2014.

yang merupakan saksi-saksi ketika Perjanjian Hibah tersebut ditandatangani. Mahkamah telah meluluskan tuntutan Plaintiff tersebut pada 20.06.2016.

Komentar:

Pengkaji mendapati Yang Arif hanya memutuskan penerimaan Perjanjian Hibah sebagai pembuktian kepada wujudnya *sīghat* hibah sahaja. Penerimaan Perjanjian Hibah sebagai pembuktian dibuat oleh Yang Arif Hakim berdasarkan keterangan 2 orang saksi yang melihat dokumen itu semasa hibah dibuat. Namun Yang Arif Hakim tidak menyatakan atau menjelaskan alasan beliau yang menerima dokumen tersebut sebagai membuktikan *sīghat* sahaja. Bahkan Yang Arif Hakim tidak membuat sebarang penandaan terhadap dokumen hibah bagi menunjukkan penerimaan dokumen sebagai bukti. Pengkaji mendapati bahawa rukun berkaitan harta yang dihibahkan dalam kes ini dibuktikan secara berasingan melalui geran tanah dan Borang 19B oleh Plaintiff dan diterima oleh mahkamah. Pengkaji mendapati Yang Arif Hakim tidak menyatakan berkaitan pihak yang menyediakan dokumen hibah tersebut di dalam alasan penghakimannya. Walaupun begitu, pengkaji mendapati bahawa penerimaan dokumen hibah tersebut berdasarkan dokumen asal dan dibuktikan dengan keterangan dua orang saksi yang menyaksikan dokumen itu disempurnakan.

f. Sarifah binti Ghafar lwn Siti Nadzirah binti Mohammad Noor dan 4 Yang Lain⁸⁸⁹

Plaintif memohon untuk membuat pengesahan hibah oleh Allahyarham Mohammad Noor bin Ramli (No. K/P: 610823-07-5619) kepada Plaintiff. Surat Hibah bertarikh 22.07.2016

⁸⁸⁹ *Sarifah binti Ghafar lwn Siti Nadzirah binti Mohammad Noor dan 4 Yang Lain pula*. Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Selangor. Shah Alam. Saman No.: 10400-044-0222-2017.

tersebut telah ditandatangani oleh si mati pada 2.8.2016 dan disaksikan oleh dua (2) orang saksi iaitu Sidek bin Baba yang menurunkan tandatangannya pada tarikh yang sama dengan si mati iaitu pada 2.8.2016 dan Abdul Latiff bin Ghafar yang menurunkan tandatangannya lebih awal iaitu pada 22.07.2016. Namun tuntutan pengesahan hibah ini ditolak pada 14.08.2018 kerana elemen *qabd* dan *sīghat* tidak dibuktikan.

Komentar:

Pengkaji mendapati Yang Arif Hakim tidak menyatakan samada telah menerima atau menolak Surat Hibah tersebut sebagai keterangan ke dalam mahkamah. Yang Arif Hakim juga tidak membuat sebarang ulasan samada Plaintiff telah membuktikan dokumen hibah tersebut atau sebaliknya kerana penyaksian si mati dibuat berdasarkan keterangan dua orang saksi. Namun hanya seorang yang menandatangani pada hari hibah dibuat manakala seorang lagi menandatangani lebih awal sebelum hibah dibuat. Kedua-dua orang saksi tersebut juga tidak dikemukakan kepada mahkamah untuk membuktikan Surat Hibah tersebut adalah benar. Namun tiada sebarang ulasan dibuat menyatakan surat hibah tersebut ditolak sebagai bukti. Yang Arif Hakim tidak menerima Surat Hibah tersebut telah membuktikan harta hibah kerana tidak disokong dengan dokumen lain. Selain itu, Yang Arif Hakim tidak membuat sebarang penandaan bagi menggambarkan penerimaan masuk dokumen tersebut ke dalam mahkamah.

Yang Arif Hakim tidak membuat sebarang penjelasan secara terperinci berkaitan penyedia dokumen hibah tersebut di dalam alasan penghakimannya. Pengkaji mendapati pendirian Yang Arif Hakim dalam kes ini berkaitan dokumen hibah tersebut adalah tidak jelas dan kabur sehingga sukar untuk menentukan samada dokumen hibah tersebut diterima atau ditolak. Pengkaji mendapati penerimaan terhadap dokumen hibah tersebut berlawanan

dengan peruntukan Seksyen 56 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Selangor) 2003 yang mensyaratkan dua orang saksi yang menyaksikan penyempurnaan dokumen tersebut.

g. Khairul Bariah binti Ahmad lwn Fatin Nabilah binti Mohd Radzuan⁸⁹⁰

Plaintif telah menghibahkan satu unit rumah jenis pangsapuri kepada Defendan pada 16.04.2018, lebih kurang pada jam 3.30 petang di Pusaka Kuds Sdn Bhd. Barang atau perkara yang menjadi hibah dalam kes ini adalah merujuk kepada 1/1 bahagian daripada satu unit rumah jenis pangsapuri yang beralamat di Saujana Apartment D-201, Blok D, Jalan PJU 10/1c, Damansara Damai, Petaling Jaya, 47830 Selangor yang memakai keterangan No. Pemilikan PN: 20615, No. Bangunan: M4, Tingkat 3, No. Petak: 281, Mukim Sg Buloh, No. Lot 70321, Petak 80. Rumah ini telah wujud semasa lafaz hibah tersebut dibuat dan menjadi milik sempurna Plaintif berdasarkan hak milik strata yang ditandakan sebagai KBA-4 dan Perjanjian Jual Beli bertarikh 24.06.1998 antara Medan Prestari Sdn Bhd dengan Plaintif yang ditandakan sebagai KBA-5. Hibah tersebut dibuat secara bertulis iaitu melalui Dokumen Hibah pada 16.04.2017 di Pusaka Kuds Sdn. Bhd. Mahkamah merujuk kepada pengakuan Plaintif sendiri sekalipun ia dibuat secara bertulis dengan akad hibah juga telah dibuat oleh Plaintif selain Plaintif melafazkan pernyataan yang terkandung dalam Dokumen Hibah. Mahkamah meluluskan tuntutan Plaintif.⁸⁹¹

Komentar:

Pengkaji mendapati Yang Arif memutuskan penerimaan dokumen hibah tersebut berdasarkan pengakuan Plaintif sendiri. Berdasarkan pengakuan Plaintif juga, Yang Arif

⁸⁹⁰ *Khairul Bariah binti Ahmad lwn Fatin Nabilah binti Mohd Radzuan*. Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Selangor. Shah Alam. Saman No.: 10100-044-0722-2018.

⁸⁹¹ Yang Arif tidak menyatakan tarikh penghakiman kes tersebut dibacakan di dalam alasan penghakimannya.

Hakim memutuskan rukun berkaitan pemberi, penerima hibah dan elemen *qabd* telah dibuktikan. Yang Arif Hakim memutuskan penerimaan Perjanjian Hibah sebagai pembuktian kepada wujudnya *sīghat* hibah sahaja. Pembuktian harta yang dihibahkan pula dibuktikan melalui sokongan dokumen yang ditanda KBA-4 dan KBA-5. Namun Yang Arif Hakim tidak membuat sebarang penandaan terhadap dokumen hibah yang diterima itu bagi menunjukkan penerimaan dokumen ke dalam mahkamah. Yang Arif Hakim juga tidak menyatakan alasan beliau yang menerima dokumen tersebut sebagai membuktikan *sīghat* sahaja sedangkan pengakuan Plaintiff juga boleh membuktikan hibah. Pengkaji mendapati bahawa dokumen Hibah dalam kes ini telah disediakan oleh syarikat swasta iaitu Pusaka Kuds Sdn. Bhd. Oleh yang demikian, penerimaan dokumen Plaintiff ini setelah dibuktikan dengan pengakuan Plaintiff yang juga pembuat dokumen dan dokumen asal itu sendiri.

h. Aridah binti Dulmukti lwn Samingah binti Dolmukti @Dulmukti dan 1 Yang Lain⁸⁹²

Plaintif telah memfailkan suatu tuntutan untuk mengesahkan hibah yang dibuat oleh si mati iaitu Allahyarham Haji Dulmukti bin Mohd Omar yang dibuat secara lisan terhadap hartanah dalam kes ini, dan telah disaksikan oleh empat orang saksi iaitu Plaintiff (sendiri), suami Plaintiff, Defendan 2 dan Mohd Faizun @ Saring Cisarua bin Samad. Kenyataan hibah tersebut telah ditulis dan ditaip semula oleh suami Plaintiff atas tajuk “Surat Wasiat”, dan telah ditandatangani oleh si mati. Yang Arif Hakim menerima dokumen surat wasiat tersebut sebagai keterangan berdasarkan penandaan P-1 kerana disokong oleh dua orang saksi yang menyaksikan dokumen itu disempurnakan. Yang Arif Hakim menerima

⁸⁹² *Aridah binti Dulmukti lwn Samingah binti Dolmukti@Dulmukti dan 1 Yang Lain*. Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Selangor. Shah Alam. Saman No.: 10300-044-0535-2013.

dokumen tersebut sebagai membuktikan *sīghat* sahaja berdasarkan alasan penghakiman yang ditulis oleh Hakim Bicara tersebut. Mahkamah telah meluluskan tuntutan Plaintiff tersebut pada 01.03.2016.

Komentar:

Pengkaji mendapati Yang Arif Hakim menerima dokumen surat wasiat tersebut sebagai keterangan berdasarkan penandaan P-1 berdasarkan keterangan oleh dua orang saksi. Namun Yang Arif Hakim menerima dokumen tersebut sebagai membuktikan *sīghat* sahaja manakala pembuktian rukun berkaitan pemberi dan penerima hibah adalah berdasarkan keterangan dua orang saksi. Selain itu, rukun berkaitan harta yang dihibahkan telah dibuktikan berdasarkan dokumen lain yang ditandai sebagai P-2, P-3 dan P-5. Yang Arif Hakim tidak menyatakan alasan beliau yang menerima dokumen tersebut sebagai membuktikan *sīghat* sahaja dan bukan membuktikan kewujudan hibah. Elemen *qabd* dalam kes ini dibuktikan dengan keterangan saksi yang mengesahkan hasil yang diperolehi dari harta hibah diambil oleh penerima hibah sejak pemberi masih hidup. Dokumen Surat Pengisytiharan Hibah dalam kes ini telah disediakan oleh individu atau orang perseorangan. Pengkaji mendapati bahawa penerimaan dokumen hibah tersebut berdasarkan dokumen asal dan dibuktikan dengan keterangan dua orang saksi yang menyaksikan dokumen itu disempurnakan.

*i. Azrai bin Abdul Aziz lwn Asiah binti Mahmud dan 3 Yang Lain*⁸⁹³

Plaintif mendakwa bahawa wujudnya hibah terhadap harta-harta si mati berdasarkan wasiat bertarikh 8 Mac 2012 yang ditandakan sebagai P-5 melalui perkhidmatan Maybank Trustees Berhad yang dibuat oleh arwah si mati (isterinya). Mahkamah menerima dokumen wasiat tersebut kerana disokong oleh SP1 namun penerimaan dokumen tersebut hanya bagi membuktikan pemberi dan penerima hibah. Namun Plaintif gagal mengemukakan bukti bahawa lafaz tersebut adalah hibah dan wujudnya *qabd*. Yang Arif hakim telah menolak tuntutan Plaintif pada 17.12.2015 kerana lafaz *sīghat* adalah berbentuk wasiat, *qabd* dan harta hibah tidak dibuktikan.

Komentar:

Pengkaji mendapati Yang Arif Hakim menerima dokumen surat wasiat tersebut sebagai keterangan berdasarkan penandaan P-5 kerana disokong oleh seorang saksi. Penerimaan dokumen sebagai bukti tersebut hanya dinilai sebagai membuktikan lafaz, pemberi dan penerima hibah setelah disokong dengan saksi tersebut. Yang Arif Hakim memutuskan Plaintif gagal membuktikan wujudnya lafaz *qabūl* dibuat. Namun dokumen tersebut Yang Arif Hakim memutuskan bahawa harta yang dihibahkan telah tidak dibuktikan kerana tidak disokong oleh dokumen sokongan lain mahupun saksi. Yang Arif memutuskan untuk tidak menilai elemen *qabd* kerana *qabūl* itu sendiri telah gagal dibuktikan. Dokumen Surat Pengisytiharan Hibah dalam kes ini telah disediakan oleh Maybank Trustees Berhad. Pengkaji mendapati penerimaan terhadap dokumen hibah tersebut berlawanan dengan

⁸⁹³ *Azrai bin Abdul Aziz lwn Asiah binti Mahmud dan 3 Yang Lain*. Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Selangor. Shah Alam. Saman No.: 10300-044-0221-2013.

peruntukan Seksyen 56 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Selangor) 2003 yang mensyaratkan dua orang saksi yang menyaksikan penyempurnaan dokumen tersebut.

j. Badri bin Daud lwn Salbiah binti Mat Mordi dan 8 Yang Lain⁸⁹⁴

Plaintif membuat tuntutan untuk mengesahkan hibah yang dibuat oleh Allahyarham bapanya. Si mati telah membuat hibah secara bertulis dan lisan melalui dokumen yang dinamakan sebagai Dokumen Pengisytiharan Hibah di rumahnya di hadapan dua (2) orang saksi lebih kurang antara jam 3.00 hingga 5.00 petang. Dokumen hibah ini telah disediakan oleh Syarikat Wasiyyah Shoppe Sdn. Bhd. dan telah disetemkan pada 23.04.2008. Namun dokumen tersebut tidak diterima masuk ke dalam mahkamah dan hanya sekadar dicamkan sahaja dan ditandakan sebagai ID-5. Perkara ini bermakna dokumen hibah tersebut masih dipertikaikan dan perlu dibuktikan. Dokumen yang ditanda sebagai ID tidak boleh dipertimbangkan oleh mahkamah dalam penghakimannya kerana dokumen yang kekal sebagai ID ialah dokumen yang tidak dibuktikan. Yang Arif menolak tuntutan Plaintif pada 22.05.2017 berdasarkan alasan terdapat keraguan berkaitan dengan status harta hibah dan kegagalan Plaintif membuktikan kewujudan dokumen hibah tersebut. Kegagalan ini berpunca dua (2) orang saksi yang tercatat dalam ID-5 tersebut tidak hadir semasa dokumen hibah itu ditandatangani selain tiada keterangan berkaitan sama ada si mati ada melafazkan *ijāb* atau tidak.

⁸⁹⁴ *Badri bin Daud lwn Salbiah binti Mat Mordi dan 8 Yang Lain*. Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Selangor. Shah Alam. Saman No.: 10400-044-0455-2013.

Komentar:

Pengkaji mendapati Yang Arif Hakim dalam kes ini telah menjelaskan konsep dan pemakaian dokumen persendirian hibah dengan baik. Yang Arif Hakim telah menjelaskan penolakan dokumen persendirian hibah tersebut sebagai keterangan atas alasan kewujudan dan kesahihannya gagal dibuktikan kerana ditandai dengan ID sahaja. Yang Arif Hakim juga menolak dokumen berbentuk surat akuan sumpah bagi membuktikan *qabd* dengan alasan dokumen itu hanya di tandai dengan ID-5 sahaja dan tidak boleh menjadi bukti. Begitu juga dengan rukun berkaitan harta hibah kerana Plaintiff gagal membuktikan harta tersebut milik penuh si mati. Dokumen Surat Pengisytiharan Hibah dalam kes ini telah disediakan oleh syarikat amanah iaitu Syarikat Wasiyyah Shoppe Sdn. Bhd. Pengkaji mendapati bahawa penolakan dokumen hibah tersebut dibuat berdasarkan kegagalan memenuhi kehendak seksyen 56 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Selangor) 2003.

k. Nur Huda bt Harith lwn Harith bin Abd Rahman dan Seorang Lagi⁸⁹⁵

Plaintif menuntut pengesahan hibah yang dibuat oleh arwah ibu angkatnya. Plaintiff mendakwa bahawa arwah si mati (ibu angkatnya) semasa hidupnya iaitu pada 22.08.2013 telah menghibahkan secara bertulis dan lisan separuh (1/2) bahagian daripada sebuah rumah manakala 1/2 bahagian lagi merupakan milik Defendan. Hibah tersebut telah dibuat melalui dokumen yang dinamakan sebagai Dokumen Pengisytiharan Hibah Abibah binti Kasim No. Kad Pengenalan 490610-04-5228 di hadapan dua (2) orang saksi. Mahkamah telah meluluskan tuntutan Plaintiff pada 01.09.2015.

⁸⁹⁵ *Nur Huda bt Harith lwn Harith bin Abd Rahman dan Seorang Lagi*. Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Selangor. Shah Alam. Saman No.: 10400-044-0008-2015.

Komentar:

Pengkaji mendapati Yang Arif Hakim tidak menyatakan dengan alasan penerimaan dokumen ke dalam mahkamah dan penerimaan keseluruhan dokumen sebagai pembuktian hibah kecuali pembuktian wujudnya *sīghat*. Penerimaan dokumen dan *sīghat* diterima setelah disokong dengan keterangan seorang saksi sahaja iaitu SP1, orang yang menyediakan dokumen tersebut. Yang Arif Hakim juga tidak membuat sebarang penandaan dibuat bagi menunjukkan penerimaan dokumen ke dalam mahkamah. Rukun berkaitan pemberi dan penerima dibuktikan melalui keterangan saksi Plaintiff dan diakui oleh Defendan. Elemen *qabd* pula dibuktikan dengan Surat Akuan Sumpah yang ditandatangani si mati dan tidak dibantah oleh Defendan. Dokumen Surat Pengisytiharan Hibah dalam kes ini telah disediakan oleh syarikat amanah Wasiyyah Shoppe Sdn. Bhd. Pengkaji mendapati penerimaan terhadap dokumen hibah tersebut berlawanan dengan peruntukan Seksyen 56 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Selangor) 2003 yang mensyaratkan dua orang saksi yang menyaksikan penyempurnaan dokumen tersebut.

***1. Shamsul Bahar bin Abu Bakar & 2 lain lwn Noraini binti Abu Bakar & 2 Lain*⁸⁹⁶**

Si mati dan Plaintiff 1, Plaintiff 2 dan Plaintiff 3 telah memeterai Surat Hibah yang disediakan oleh Zar Perunding Pusaka Sdn Bhd Plaintiff di hadapan dua (2) orang saksi untuk menghibahkan tiga (3) jenis hartanah milik si mati kepada Plaintiff. Salinan Surat Hibah bertarikh 21.09.2006 tersebut telah dilampirkan dalam Ikatan Dokumen Plaintiff dan ditandakan sebagai P-9, dan telah dipersetujui oleh pihak-pihak, maka dokumen ini diterima sebagai keterangan dalam membantu untuk menentukan hibah yang berlaku itu.

⁸⁹⁶ *Shamsul Bahar bin Abu Bakar & 2 lain lwn. Noraini binti Abu Bakar & 2 lain.* Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Selangor. Shah Alam. Saman No.: 10400-044-0534-2014.

Mahkamah menerima Dokumen P-9 ini sebagai bukti kewujudan hibah namun tuntutan pengesahan hibah ini ditolak kerana Plaintiff gagal membuktikan elemen *qabd*. Selain P-9, terdapat juga dakwaan berkaitan dengan Surat Hibah bertarikh 18.08.2010 telah ditandakan sebagai ID-4. Walau bagaimanapun, oleh sebab dokumen ini hanya sekadar dicamkan sahaja dan belum dibuktikan kewujudannya, maka dokumen tersebut tidak diterima masuk sebagai keterangan. Keputusan kes ini telah diputuskan pada 07.08.2017.

Komentar:

Pengkaji mendapati Yang Arif Hakim dalam kes ini telah menjelaskan konsep dan pemakaian dokumen persendirian hibah dengan baik. Yang Arif Hakim telah menjelaskan penolakan dokumen persendirian hibah tersebut sebagai keterangan. Yang Arif Hakim telah menerima dokumen surat Hibah bertarikh 21.09.2006 setelah dokumen tersebut diakui dan tidak dibantah oleh pihak-pihak dan ditandai sebagai P-9. Namun bagi Surat hibah kedua, Yang Arif Hakim telah menjelaskan penolakan dokumen persendirian hibah tersebut sebagai keterangan atas alasan kewujudan dan kesahihannya gagal dibuktikan kerana ditandai dengan ID sahaja. Yang Arif Hakim juga menolak dokumen Surat Hibah bertarikh 18.08.2010 bagi membuktikan *qabd* dengan alasan dokumen itu hanya di tandai dengan ID-4 sahaja dan tidak boleh menjadi bukti. Selain itu, Plaintiff gagal membuktikan elemen *qabd* bagi hibah tersebut. Dokumen Surat Pengisytiharan Hibah dalam kes ini telah disediakan oleh syarikat amanah iaitu Zar Perunding Pusaka Sdn. Bhd. Pengkaji mendapati penolakan dokumen hibah tersebut selari dengan peruntukan Seksyen 56 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Selangor) 2003.

*m. Muslima binti Tarizan lwn Ibu Rusna dan 11 Yang Lain*⁸⁹⁷

Plaintif mendakwa arwah suaminya (Ismail bin Senan) telah menghibahkan sebuah rumah pangsa kos rendah kepadanya pada 18 Disember 2000 melalui Surat Hibah yang disediakan oleh Defendan 2. Surat tersebut ditandatangani oleh Arwah di hadapan dua orang saksi iaitu Sulaiman Bin Suhut dan Maili Bin Zaini di rumahnya. Dokumen Surat Hibah tersebut telah ditandakan sebagai P-10 namun arwah tidak melafazkan isi kandungan surat tersebut, iaitu sekadar membaca dan seterusnya menandatangani surat tersebut. Arwah juga ada mengisi dan menandatangani borang serah hak milik rumah tersebut kepada Plaintiff secara tunggal melalui Borang Permohonan (P-11) untuk menukarkan hak milik rumah pada 19 Jun 2006. Tujuan beliau menukar hak milik tersebut adalah sebagai “pemberian kepada isteri atas dasar kasih sayang”. Mahkamah menerima dokumen hibah sebagai keterangan dengan disokong oleh dua orang saksi bagi membuktikan *sīghat* hibah sahaja. Walaupun demikian, pengesahan hibah ini ditolak pada 30.09.2015 kerana rukun berkaitan dengan barang hibah tidak dibuktikan telah dimiliki secara sempurna oleh si mati.

Komentar:

Pengkaji mendapati Yang Arif Hakim menerima dokumen surat wasiat tersebut sebagai keterangan berdasarkan penandaan P-10 kerana disokong oleh dua orang saksi. Namun hanya memberi nilai kepada dokumen tersebut sebagai membuktikan rukun berkaitan *sīghat*. Yang Arif Hakim juga tidak menyatakan alasan beliau yang menerima dokumen tersebut sebagai membuktikan dan bukan membuktikan kewujudan hibah. Yang Arif Hakim memutuskan pembuktian berkaitan pemberi dan penerima hibah bukan melalui

⁸⁹⁷ *Muslima binti Tarizan lwn Ibu Rusna dan 11 Yang Lain*. Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Selangor. Shah Alam. Saman No.: 10300-044-0455-2011.

dokumen tetapi melalui keterangan dua orang saksi yang melihat si mati membuat hibah tersebut. Harta yang dihibahkan pula dibuktikan oleh Plaintiff melalui dokongan sokongan lain iaitu Perjanjian Jual Beli yang ditandai sebagai P-9. Yang Arif juga telah memutuskan bahawa *qabd* dalam kes ini telah sempurna berdasarkan pembuktian dokumen P-11 iaitu si mati telah mengisi Borang penyerahhakmilikkan. Dokumen Surat Pengisytiharan Hibah dalam kes ini telah disediakan oleh orang perseorangan iaitu Defendan 2. Pengkaji mendapati penerimaan terhadap dokumen hibah tersebut berlawanan dengan peruntukan Seksyen 56 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Selangor) 2003 yang mensyaratkan dua orang saksi yang menyaksikan penyempurnaan dokumen tersebut.

***n. Fatimah Binti Abdul Ghani lwn. Muhamad Bin Abdul Ghani*⁸⁹⁸**

Plaintif telah memfailkan tuntutan untuk mengesahkan hibah tanah miliknya yang didakwa dibuat oleh si mati, Rokiah Binti Abdul Ghani kepada anak Plaintiff dan anak saudara si mati. Penyerahan dan penolakan terhadap harta tersebut telah dilakukan oleh si mati secara bertulis melalui Surat Hibah (ditandai sebagai Ekshibit P-1) yang dibuat dan ditandatangani di hadapan dua orang saksi lelaki pada 5 Oktober 2009. Mahkamah berpuas hati bahawa *sīghat* secara bertulis yang dinyatakan oleh si mati dengan membuat Surat Hibah terhadap hartanah miliknya adalah membawa maksud hibah. Barang atau harta yang dihibah ialah tiga bidang tanah didaftarkan atas nama arwah si mati telah memenuhi ciri-ciri yang digariskan. Tuntutan Plaintiff diluluskan pada 07.10.2015 setelah mahkamah berpuas hati yang rukun-rukun hibah berserta syarat-syaratnya telah dipenuhi. Yang Arif Hakim

⁸⁹⁸ *Fatimah Binti Abdul Ghani lwn. Muhamad Bin Abdul Ghani*. Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Terengganu. Kuala Terengganu. Saman No.: 11200-044-0279-2014.

menerima Surat Hibah sebagai keterangan yang membuktikan *sīghat* namun tidak menyatakan secara spesifik penerimaan dokumen dan alasan penerimaan.

Komentar:

Pengkaji mendapati Yang Arif Hakim telah menerima Surat Hibah bertarikh 4.10.2009 sebagai keterangan dengan penandaan sebagai P-1. Ini menunjukkan bahawa dokumen persendirian ini adalah relevan dalam kes hibah ini. Penerimaan ini dibuat oleh Yang Arif Hakim setelah pengemukaan dokumen tersebut disokong dengan keterangan dua orang saksi namun Yang Arif Hakim tidak menyatakan secara terperinci dua orang saksi tersebut. Yang Arif Hakim telah memberi nilai yang tinggi kepada Surat Hibah tersebut sebagai membuktikan rukun dan syarat hibah termasuklah elemen *qabd*. Yang Arif Hakim mensabitkan bahawa harta yang dihibahkan dibuktikan milik pemberi hibah namun tidak dinyatakan fakta tersebut dibuktikan melalui dokumen Surat Hibah atau saksi atau dokumen sokongan lain.

Yang Arif Hakim mensabitkan Plaintiff boleh membuat penerimaan hibah sebagai pemegang amanah anak-anaknya namun tidak dijelaskan samada wali harta iaitu ayah kepada anak tersebut telah meninggal dunia atau Plaintiff telah dilantik oleh Mahkamah sebagai pemegang amanah. Pengkaji mendapati bahawa Yang Arif Hakim tidak menjelaskan dokumen surat hibah tersebut telah disediakan oleh pihak-pihak tertentu namun dipercayai dibuat oleh Pemberi hibah sendiri. Pengkaji mendapati penerimaan terhadap dokumen hibah tersebut berlawanan dengan peruntukan Seksyen 56 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Selangor) 2003 yang mensyaratkan dua orang saksi yang menyaksikan penyempurnaan dokumen tersebut.

*o. Noor Zaleha binti Mohd Noor lwn Fatimah binti Ibrahim dan 14 Yang Lain*⁸⁹⁹

Plaintif menuntut mahkamah mensabitkan hibah si mati kepada Plaintiff pada 13 Mei 2017 merupakan satu hibah yang sah di sisi hukum syarak, dan kesemua wang berjumlah RM355,334.86 tersebut adalah milik mutlak Plaintiff. Mahkamah menerima dokumen hibah itu sebagai keterangan berkaitan dengan kewujudan hibah iaitu Surat Ikatan Hibah Amanah bertarikh 19 Jun 2017 yang dibuat di Amanah Saham Bumiputera (ASB) dan ditandakan sebagai P-2 menunjukkan bahawa pemberi hibah merupakan si mati. Namun tuntutan Plaintiff ditolak pada 18.04.2021 berdasarkan keraguan kepada wujud lafaz hibah atau tidak, alasan *qabḍ* tidak dibuktikan dan harta tersebut adalah harta *musya'* (bercampur) dengan harta sepencarian.

Komentar:

Yang Arif Hakim menerima Dokumen Hibah Amanah tersebut sebagai keterangan apabila dokumen persendirian itu telah ditandai sebagai P-2. Penerimaan Yang Arif Hakim terhadap Dokumen Hibah Amanah tersebut Yang Arif Hakim memberi nilai probatif kepada Dokumen Hibah tersebut sebagai telah membuktikan rukun pemberi dan penerima hibah sahaja. Walaupun terdapat cap jari yang dikatakan sebagai kepunyaan si mati tetapi Yang Arif Hakim menolak sebagai bukti wujudnya lafaz *ijāb* dan *qabūl* kerana tidak dibuktikan. Saksi Plaintiff 1 dan Saksi Plaintiff 2 yang dipanggil juga tidak boleh membuktikan simati ada membuat lafaz seperti didakwa. Yang Arif Hakim juga memutuskan elemen *qabḍ* juga tidak dibuktikan berlaku selepas lafaz *ijāb* dan *qabūl* tetapi hanya selepas kematian si mati melalui dokumen sokuongan yang lain. Yang Arif Hakim

⁸⁹⁹ *Noor Zaleha binti Mohd Noor lwn Fatimah binti Ibrahim dan 14 Yang Lain*. Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Terengganu. Kuala Terengganu. Saman No.: 11100-044-0001-2019.

juga memutuskan bahawa harta yang dihibahkan itu juga bukanlah harta yang sempurna milik si mati. Dokumen Hibah Amanah dalam kes ini telah disediakan oleh Amanah Saham Bumiputera (ASB). Pengkaji mendapati penerimaan terhadap dokumen hibah tersebut berlawanan dengan peruntukan Seksyen 56 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Selangor) 2003 yang mensyaratkan dua orang saksi yang menyaksikan penyempurnaan dokumen tersebut. Namun Yang Arif Hakim menolak kesahihan kandungan berkaitan kandungan lafaz *ijāb* dan *qabūl* telah dilafazkan walaupun mempunyai cap jari.

p. Wan Mohamad bin Ismail lwn Wan Hindun binti Ismail dan 2 Yang Lain⁹⁰⁰

Plaintif telah memfailkan tuntutan untuk mengesahkan hibah si mati kepada Plaintiff melalui Surat Pemberian Hibah bertarikh 22 Julai 2007 ke atas sebidang tanah. Surat Pemberian Hibah telah disediakan oleh Peguam Syarie daripada Tetuan Nadiah & Associates. Sebelum Surat Pemberian Hibah dibuat, Plaintiff mendakwa bahawa si mati ada membuat secara lisan sekitar tahun 2007. Perbicaraan telah dijalankan secara sebelah pihak. Plaintiff telah mengemukakan Surat Pemberian Hibah dengan disokong oleh Sakai Plaintiff 1 yang menyaksikan dokumen tersebut disempurnakan selepas lafaz secara lisan dibuat. Mahkamah telah meluluskan tuntutan Plaintiff dengan sumpah *istizhar* pada 19.08.2019.

Komentar:

Pengkaji mendapati Yang Arif Hakim telah menerima Surat Pemberian Hibah bertarikh 22 Julai 2007 sebagai keterangan namun tidak membuat sebarang penandaan bagi menunjukkan penerimaan dokumen ke dalam mahkamah. Penerimaan Yang Arif Hakim

⁹⁰⁰ *Wan Mohamad bin Ismail lwn Wan Hindun binti Ismail dan 2 Yang Lain*. Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Terengganu. Kuala Terengganu. Saman No.: 11100-044-0118-2019.

terhadap Surat Pemberian Hibah tersebut setelah disokong dengan seorang saksi yang menyediakan dokumen tersebut. Yang Arif Hakim memberi nilai probatif yang tinggi kepada Surat Pemberian Hibah tersebut sebagai telah membuktikan rukun dan syarat hibah termasuklah elemen *qabd*. Anggapan ini dibuat berdasarkan penghakiman Yang Arif Hakim sendiri kerana tiada dokumen lain atau saksi lain dinyatakan samada secara spesifik atau secara umum selain dokumen persendirian Surat Pemberian Hibah tersebut dan keterangan SP1 sahaja. Namun Yang Arif Hakim tidak menyatakan secara jelas berkaitan dengan alasan penerimaan keseluruhan dokumen sebagai pembuktian hibah. Bahkan Ulasan Yang Arif Hakim lebih banyak kepada ulasan hibah berdasarkan hukum syarak. Dokumen Surat Pengisytiharan Hibah dalam kes ini telah disediakan oleh firma guaman Syarie iaitu Tetuan Nadiah & Associates. Pengkaji mendapati penerimaan terhadap dokumen hibah tersebut berlawanan dengan peruntukan Seksyen 56 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Selangor) 2003 yang mensyaratkan dua orang saksi yang menyaksikan penyempurnaan dokumen tersebut.

q. *Wan Maslinda binti Hj Ibrahim lwn Meriam binti Mamat dan 2 Yang Lain*⁹⁰¹

Plaintif mendakwa bahawa si mati (arwah suami Defendan 1) telah menandatangani satu surat pemberian hibah bertarikh 24 April 2016 dan mendakwa telah menghibahkan harta-harta kepada Plaintif. Surat Pemberian Hibah tersebut telah ditandakan sebagai P-6 ke atas harta berupa perniagaan (kedai) emas dan permata di bawah sebuah syarikat bernama Abd Wahab Mustapa Sdn. Bhd. dengan No. Syarikat: 838761-X yang dokumen tersebut ditandai sebagai P-7. Manakala dua bidang tanah yang dokumennya ditandai sebagai P-5

⁹⁰¹ *Wan Maslinda binti Hj Ibrahim lwn Meriam binti Mamat dan 2 Yang Lain*. Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Terengganu. Kuala Terengganu. Saman No.: 11100-044-0142-2019.

dan P-9 bagi menunjukkan hak milik arwah sepenuhnya; sebuah motokar serta sebuah lori *pick-up* yang pemiliknya ialah arwah si mati berdasarkan P-10. Mahkamah meluluskan tuntutan Plaintiff pada 13.07.2020 berdasarkan dokumen P-6 tersebut telah membuktikan rukun dan syarat hibah serta keterangan pihak-pihak termasuklah P-6 iaitu merupakan dokumen yang mempunyai lafaz *tjāb* dan *qabūl* antara si mati Abd Wahab dengan Plaintiff.

Komentar:

Pengkaji mendapati Yang Arif Hakim telah menerima masuk Surat Ikatan Amanah Hibah yang ditandai sebagai P-6 dan diterima menjadi bukti kewujudan hibah. Yang Arif Hakim memberi nilai probatif kepada Dokumen Hibah tersebut sebagai telah membuktikan rukun pemberi, penerima hibah dan *sīghat* sahaja walaupun Yang Arif tidak menyatakan secara jelas berkaitan sama ada dokumen itu diberi nilai probatif untuk rukun tertentu atau tidak dalam penghakiman. Kewujudan harta yang dihibahkan pula dibuktikan melalui gabungan keterangan saksi dan dokumen sokongan yang lain. Manakala elemen *qabd* pula telah dibuktikan melalui keterangan saksi walaupun ada harta yang dihibahkan belum dipindahmilik kepada Plaintiff. Yang Arif Hakim tidak membuat sebarang penjelasan secara terperinci berkaitan penyedia dokumen hibah tersebut di dalam alasan penghakimannya. Pengkaji mendapati penerimaan dokumen hibah ini dibuat berdasarkan persetujuan Defendan-Defendan berkaitan Surat Ikatan Amanah Hibah. Oleh itu, penerimaan dokumen hibah tersebut bersesuaian dengan peruntukan Seksyen 56 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001.

*r. Efriana Ratnawati binti Ahsari dan 3 Yang Lain lwn Sherly Yusnita binti Bashri dan 4 Yang Lain*⁹⁰²

Plaintif menuntut mahkamah mensabitkan hibah si mati (arwah suami) kepada Plaintiff ke atas dua bidang tanah milik si mati yang dibuat pada 13 Mei 2017 merupakan satu hibah yang sah di sisi hukum syarak. Hibah tersebut dibuat menerusi Surat Ikatan Hibah Amanah bertarikh 05 Oktober 2001. Tuntutan Plaintiff ditolak pada 19.09.2019 berdasarkan keraguan kepada wujud *sīghat* hibah dan Surat Ikatan Amanah tidak memenuhi rukun hibah. Plaintiff telah mengemukakan rayuan dalam kes ini kerana tidak berpuas hati dengan keputusan Yang Arif Hakim iaitu berkaitan dengan isu Surat Ikatan Amanah tidak memenuhi rukun hibah. Hakim Mahkamah Rayuan Syariah dalam penghakimannya menyatakan bahawa dokumen seperti Surat Ikatan Amanah dan juga Borang 14A KTN bukanlah hibah *per se* tetapi satu instrumen untuk membuktikan transaksi hibah. Boleh juga disebut bahawa Surat Ikatan Amanah bukanlah hibah tetapi merupakan dokumen yang boleh digunakan sebagai *qarīnat* bagi membuktikan sesuatu transaksi hibah.⁹⁰³

Komentar:

Pengkaji mendapati Yang Arif Hakim telah menerima dokumen persendirian Surat Ikatan Amanah tersebut ke dalam mahkamah namun tiada sebarang penandaan dibuat bagi menunjukkan dokumen tersebut diterima masuk ke dalam mahkamah. Penerimaan mahkamah terhadap dokumen tersebut berdasarkan keterangan seorang saksi yang berada bersama semasa Surat Ikatan Amanah tersebut dilaksanakan. Walaubagaimanapun Yang

⁹⁰² *Efriana Ratnawati binti Ahsari dan 3 Yang Lain lwn Sherly Yusnita binti Bashri dan 4 Yang Lain*. Mahkamah Tinggi Syariah Wilayah Persekutuan. Kuala Lumpur. Kes Mal No.: 14600-044-0675-2015.

⁹⁰³ *Efriana Ratnawati binti Ahsari dan 3 Yang Lain lwn Sherly Yusnita binti Bashri dan 4 Yang Lain*. Mahkamah Tinggi Syariah Wilayah Persekutuan. Kuala Lumpur. Kes Rayuan No.: 14000-044-0097-2016.

Arif Hakim memutuskan rukun berkaitan *ijāb dan qabūl* tidak dibuktikan oleh Pemohon telah dilafazkan oleh si mati secara spesifik dalam keterangannya. Yang Arif Hakim memberi nilai probatif kepada dokumen Surat Ikatan Amanah tersebut telah membuktikan rukun pemberi dan penerima hibah sahaja. Dokumen Surat Ikatan Amanah dalam kes ini telah disediakan oleh peguam namun tidak dinyatakan nama firma guaman yang menyediakan dokumen tersebut. Pengkaji mendapati bahawa penolakan dokumen hibah tersebut dibuat berdasarkan kegagalan memenuhi kehendak seksyen 56 Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997.

s. *Zuraya binti Zahari dan 1 Lagi lwn Rohaya binti Long dan 5 Yang Lain*⁹⁰⁴

Pemohon memohon mahkamah untuk mensabitkan hibah yang dibuat oleh arwah si mati (bapa Pemohon) kepada Pemohon ke atas tiga hartanah, sebuah kenderaan, satu caruman insurans dan wang simpanan. Mahkamah meluluskan sebahagian tuntutan Pemohon yang melibatkan kenderaan, satu caruman insurans dan wang simpanan. Hibah tersebut dibuat menerusi Surat Perisytiharan Hibah bertarikh 29 Oktober 2010 dan disetemkan pada 25 November 2010 dan ditanda sebagai P-4. Yang Arif Hakim memutuskan dokumen persendirian Surat Pengesahan Hibah tersebut boleh diterima sebagai keterangan kerana telah disetemkan dan memenuhi Seksyen 52 Akta Setem 1949. Yang Arif Hakim mendapati rukun hibah telahpun wujud dalam dokumen Surat Pengesahan Hibah bertarikh 29 Oktober 2010 tersebut dan telah dibuktikan dalam keterangan. Mahkamah meluluskan sebahagian tuntutan Pemohon yang melibatkan sebuah kenderaan, satu caruman insurans dan wang simpanan pada 24.02.2015.

⁹⁰⁴ *Zuraya binti Zahari dan 1 Lagi lwn Rohaya binti Long dan 5 Yang Lain*. Mahkamah Tinggi Syariah Wilayah Persekutuan. Kuala Lumpur. Permohonan No.: 14600-041-0909-2011.

Komentar:

Pengkaji mendapati Yang Arif Hakim telah menerima Surat Perisytiharan Hibah bertarikh 29 Oktober 2010 apabila dokumen tersebut ditandai sebagai P-4. Penerimaan Yang Arif Haim terhadap P-4 adalah berdasarkan bahawa dokumen itu telah dimatikan setem berdasarkan Akta Setem 1949. Yang Arif Hakim memberi nilai probatif kepada dokumen ini telah membuktikan rukun berkaitan elemen pemberi, penerima hibah dan *sīghat* iaitu kewujudan hibah itu sendiri. Selain itu, dokumen tersebut juga diberi nilai telah membuktikan rukun berkaitan harta yang dihibahkan. Yang Arif Hakim tidak membuat sebarang penjelasan secara terperinci berkaitan penyedia dokumen hibah tersebut di dalam alasan penghakimannya. Oleh itu, tidak diketahui pihak yang menyediakan dokumen tersebut. Pengkaji mendapati bahawa penerimaan dokumen ini sebagai bukti wujud hibah dengan alasan telah disetemkan di bawah Akta Setem 1949 berlawanan dengan kehendak seksyen 56 Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997.

t. Irwandi bin Adap lwn Apong Bin Moet⁹⁰⁵

Pemohon memohon hibah yang ditandatangani oleh si mati (Moet bin Hariman) melalui Surat Keterangan Menyerahkan Milik Tanah bertarikh 16hb Januari 1980. Manakala dokumen Memorandum Pindah Milik bertarikh 17hb Disember 1986 merupakan dokumen hibah yang sah ke atas harta si mati iaitu LA 69110273 (Geran Hak Milik: CL245324760) kepada ayah Pemohon Adap bin Moet. Tuntutan Pemohon ditolak pada 25.11.2015 berasaskan alasan Pemohon gagal membuktikan bahawa wujudnya hibah si mati kepada

⁹⁰⁵ *Irwandi bin Adap lwn Apong Bin Moet*. Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Sabah. Tawau. Kes Mal No.: 12400-044-0177-2012 dan 12400-005-0327-2014.

Adap bin Moet. Dokumen utama iaitu Surat Keterangan Menyerahkan Milik Tanah (ditandakan sebagai Eksihabit “IBA-2”) yang menjadi sandaran utama Pemohon tidak dapat dibuktikan kewujudannya dan dua orang saksi yang dikemukakan tidak menyaksikan si mati membuat surat penyerahan berkenaan sedangkan beban pembuktian akan kewujudan dan kesahihan dokumen tersebut (Eksihabit “IBA-2”) adalah terletak pada bahu Pemohon. Selain itu, Pemohon gagal memastikan dokumen seperti salinan geran tanah tersebut IBA-6 hingga IBA-7 disahkan benar oleh pihak Jabatan Tanah dan Ukur.

Komentar:

Pengkaji mendapati Yang Arif Hakim dalam kes ini telah menjelaskan konsep dan pemakaian dokumen persendirian hibah dengan baik dan tepat. Yang Arif Hakim telah menjelaskan penolakan dokumen persendirian hibah tersebut iaitu iaitu Surat Keterangan Menyerahkan Milik Tanah (ditandakan sebagai Eksihabit “IBA-2”) sebagai keterangan. Yang Arif Hakim telah menyatakan bahawa penolakan dokumen tersebut adalah disebabkan tidak berjaya dibuktikan kewujudannya oleh Pemohon. Saksi Pemohon yang dikemukakan juga bukanlah saksi yang menyaksikan dokumen hibah tersebut disempurnakan. Dokumen Surat Pengisytiharan Hibah dalam kes ini telah disediakan oleh individu atau orang perseorangan iaitu si mati sendiri. Pengkaji mendapati bahawa penolakan dokumen hibah tersebut dibuat berdasarkan kegagalan memenuhi kehendak seksyen 56 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Sabah) 2004.

5.3.2. Dokumen Elektronik

Daripada hasil kajian yang dibuat, hanya terdapat satu kes berkaitan dengan dokumentasi hibah secara elektronik yang telah diputuskan. Dokumen bentuk ini bersesuaian dengan

perkembangan semasa iaitu penggunaan dokumentasi hibah hanya mula diperkenalkan lebih kurang pada tahun 2019. Perkembangan dokumen hibah secara elektronik ini terbina pada masa negara kita menghadapi wabak *Covid-19* dan wujudnya Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Justeru, agak sukar untuk memperoleh permohonan pengesahan hibah yang dibuat secara elektronik pada masa ini. Kes tersebut adalah seperti yang berikut:

a. Siti Hajar binti Alias & Farah Khadijah binti Khalid lwn Shahrin bin Mohamad dan 4 Yang Lain⁹⁰⁶

Plaintif memohon mahkamah mengesahkan hibah yang dibuat oleh si mati (arwah suami Plaintif 1 dan arwah ayah angkat Plaintif 2) ke atas dua harta tak alih milik si mati. Defendan 1 hingga Defendan 5 juga telah memfailkan Pernyataan Pembelaan dengan menyatakan persetujuan terhadap tuntutan Plaintif dan tidak berhasrat untuk hadir ke mahkamah serta memberikan keterangan di mahkamah. Yang Arif Hakim menerima pemilikan si mati ke atas harta hanya berdasarkan Dokumen Lampiran A4 dan A5 dalam Pernyataan Tuntutan Plaintif. Yang Arif Hakim juga dengan penerimaan dokumen pengisytiharan hibah yang ditandakan sebagai Lampiran A6 dan Lampiran 7, penerima-penerima hibah ialah Plaintif 1 isteri kepada si mati dan Plaintif 2 anak angkat si mati. Dokumen hibah ini telah disediakan oleh syarikat amanah Wasiyyah Shoppe Sdn. Bhd.

Selanjutnya, Yang Arif Hakim menerima pembuktian penerima hibah hartanah berdasarkan cakera padat rakaman video yang diadakan secara aplikasi talian ZOOM yang ditandai sebagai Lampiran A9. Yang Arif Hakim menerima dakwaan berkaitan harta hibah yang didaftarkan atas nama si mati berdasarkan lampiran bertanda A4 dan A5 iaitu

⁹⁰⁶ *Siti Hajar binti Alias & Farah Khadijah binti Khalid lwn Shahrin bin Mohamad dan 4 Yang Lain*. Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Selangor. Shah Alam. Kes Mal No.: 2302-H0210-331-0084.

lampiran salinan geran tanah. Manakala lafaz *tājāb dan qabūl* bagi satu hartanah pula diputuskan berdasarkan dokumen pengisytiharan hibah di Lampiran A6 dan A7, dan satu hartanah melalui rakaman secara aplikasi ZOOM bertarikh 28 Mei 2022. Yang Arif Hakim telah berpuas hati bahawa *qabūl* telah berlaku melalui tindakan-tindakan penerima hibah dan persetujuan Defendan 1 hingga 5 yang dikemukakan melalui pembelaan bertarikh 28 Mac 2023. Oleh itu, mahkamah telah meluluskan tuntutan Plaintiff pada 11.07.23.

Komentar:

Pengkaji mendapati Yang Arif Hakim memutuskan kes ini tanpa melalui perbicaraan penuh dan hanya berdasarkan persetujuan Defendan dan dokumen yang dilampirkan. Tindakan Yang Arif Hakim menerima dokumen yang dilampirkan dan dokumen yang tidak dimasukkan melalui proses yang betul adalah suatu kekhilafan yang besar. Namun tiada rayuan dibuat oleh pihak-pihak terhadap keputusan Yang Arif Hakim berkaitan isu ini. Keadaan ini boleh difahami berdasarkan kes ini diputuskan berdasarkan persetujuan pihak-pihak. Hal ini menunjukkan dokumen itu diterima tanpa melalui proses tapisan yang ditetapkan oleh undang-undang. Dapatan ini diperoleh berdasarkan ulasan Yang Arif Hakim yang menjadikan lampiran dokumen sebagai sumber keterangan dalam memutuskan kes ini. Yang Arif Hakim juga tidak menyatakan alasan berkaitan penerimaan dokumen pengisytiharan hibah dan rakaman secara aplikasi ZOOM berdasarkan undang-undang. Pengkaji mendapati penerimaan terhadap dokumen hibah tersebut berlawanan dengan peruntukan Seksyen 56 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Selangor) 2003.

5.4. Dapatan Hasil Analisis

Setelah penelitian dibuat terhadap kesemua alasan penghakiman yang dinyatakan sebelum ini, pengkaji mendapati hasil analisis boleh dijelaskan seperti berikut:

5.4.1. Konsep Pembuktian Hibah di Mahkamah Syariah.

Suatu hibah yang dibuat hanya boleh disahkan sekiranya semua rukun hibah dan syarat *qabḍ* dibuktikan. Perkara utama yang perlu dilakukan bagi memastikan sesuatu hibah itu sah dan boleh dikuatkuasakan adalah dengan memenuhi segala rukun serta syarat hibah terlebih dahulu sebelum apa-apa transaksi hibah itu dapat diputuskan sah oleh mahkamah syariah.⁹⁰⁷ Sekiranya dakwaan hibah tersebut gagal dibuktikan maka tuntutan pengesahan hibah hendaklah ditolak seperti yang diputuskan dalam kes *Irwandi bin Adap lwn Apong bin Moet*;⁹⁰⁸ *Efriana Ratnawati binti Ahsari dan 3 Yang Lain lwn Sherly Yusnita binti Bashri dan 4 Yang Lain*;⁹⁰⁹ *Noor Zaleha binti Mohd Noor lwn Fatimah binti Ibrahim dan 14 Yang Lain*;⁹¹⁰ *Muslima binti Tarizan lwn Ibu Rusna dan 11 Yang Lain*;⁹¹¹ *Badri bin Daud lwn Salbiah binti Mat Mordi dan 8 Yang Lain*;⁹¹² *Azrai bin Abdul Aziz lwn Asiah binti Mahmud dan 3 Yang Lain*;⁹¹³ *Sarifah binti Ghafar lwn Siti Nadzirah binti Mohammad*

⁹⁰⁷ Nurul Najwa Saad, Mohd Zaidi Daud dan Mohd Norhusairi Mat Hussin. 2023. "Penghakiman Hibah di Mahkamah Syariah: Tinjauan terhadap Kes-kes yang Diputuskan dalam Jurnal Undang-undang Terpilih Tahun 2014 hingga 2019". *Jurnal Kanun*, Kuala Lumpur: DBP, Vol. 35, No. 2, p. 363.

⁹⁰⁸ *Irwandi bin Adap lwn Apong bin Moet*. Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Sabah. Tawau. Kes Mal No.: 12400-044-0177-2012 dan 12400-005-0327-2014.

⁹⁰⁹ *Efriana Ratnawati binti Ahsari dan 3 Yang Lain lwn Sherly Yusnita binti Bashri dan 4 Yang Lain*. Mahkamah Tinggi Syariah Wilayah Persekutuan. Kuala Lumpur. Saman No.: 14600-044-0675-2015.

⁹¹⁰ *Noor Zaleha binti Mohd Noor lwn Fatimah binti Ibrahim dan 14 Yang Lain*. Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Terengganu. Kuala Terengganu. Saman No.: 11100-044-0001-2019.

⁹¹¹ *Muslima Binti Tarizan lwn Ibu Rusna dan 11 Yang Lain*. Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Selangor. Shah Alam. Saman No.: 10300-044-0455-2011.

⁹¹² *Badri bin Daud lwn Salbiah binti Mat Mordi dan 8 Yang Lain*. Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Selangor. Shah Alam. Saman No.: 10400-044-0455-2013.

⁹¹³ *Azrai bin Abdul Aziz lwn Asiah binti Mahmud dan 3 Yang Lain*. Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Selangor. Shah Alam. Saman No.: 10300-044-0221-2013.

*Noor dan 4 Yang Lain;*⁹¹⁴ dan *Shamsul Bahar bin Abu Bakar & 2 Lain lwn Noraini binti Abu Bakar & 2 Lain.*⁹¹⁵

Dakwaan terhadap kewujudan sesuatu hibah hendaklah dibuktikan dalam perbicaraan kesemua rukun dan elemen *qabd* tersebut kecuali setiap pihak yang terlibat dalam pertikaian mengakui setiap dakwaan berkaitan rukun hibah dan *qabd* tersebut. Keadaan ini bersesuaian dengan kehendak Seksyen 45 Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah Persekutuan) 1997 yang menyatakan bahawa fakta yang telah diakui tidak perlu dibuktikan seperti dalam kes *Abdul Wafry Nur Iman bin Abdul Manan lwn Abdul Mukhriz Nur Iman bin Abdul Manan dan 7 Yang Lain.*⁹¹⁶

Perkara ini bermakna, persetujuan pihak-pihak terhadap tuntutan pengesahan hibah tersebut tidak termasuk dalam pengecualian Seksyen 45 tersebut, dan beban untuk membuktikan kewujudan hibah tidak tergugur dengan persetujuan tersebut. Justeru, pengkaji berpandangan kes tersebut hendaklah diteruskan dengan perbicaraan bagi memberi peluang Plaintif membuktikan dakwaannya berkaitan dengan rukun hibah dan *qabd* itu sendiri. Oleh itu, pengkaji berpandangan tindakan Yang Arif Hakim dalam kes *Siti Hajar binti Alias & Farah Khadijah binti Khalid lwn Shahrin bin Mohamad dan 4 Yang Lain*⁹¹⁷ adalah suatu kekhilafan kerana menerima dokumen yang tidak dibuat melalui perbicaraan. Hal ini kerana pemberi *hibah* juga tidak memerlukan persetujuan orang lain

⁹¹⁴ *Sarifah binti Ghafar lwn Siti Nadzirah binti Mohammad Noor dan 4 Yang Lain.* Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Selangor. Shah Alam. Saman No.: 10400-044-0222-2017.

⁹¹⁵ *Shamsul Bahar bin Abu Bakar & 2 Lain lwn Noraini binti Abu Bakar & 2 Lain.* Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Selangor. Shah Alam. Saman No.: 10400-044-0534-2014. (Tidak dilaporkan).

⁹¹⁶ *Abdul Wafry Nur Iman Bin Abdul Manan lwn. Abdul Mukhriz Nur Iman Bin Abdul Manan dan 7 Yang Lain.* Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Perak. Ipoh. Kes Mal Bil: 08100-044-0100-2019.

⁹¹⁷ *Siti Hajar binti Alias & Farah Khadijah binti Khalid lwn Shahrin bin Mohamad dan 4 Yang Lain.* Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Selangor. Shah Alam. Kes Mal Bil: 2302-H0210-331-0084.

untuk menghibahkannya dan syarat pemberi dan penerima hibah tidak memerlukan kepadanya untuk menentusahkan hibah tersebut.⁹¹⁸

Pihak yang mendakwa wujudnya hibah ialah pihak yang memegang beban pembuktian untuk membuktikan hibah tersebut. Hal ini ada ditegaskan dalam keseluruhan kes yang dianalisis antaranya *Irwandi bin Adap lwn Apong bin Moet*.⁹¹⁹ Prinsip telah diperkukuhkan lagi dalam kes *Ramlah Sulaiman & 4 Yg Lain lwn Jamaluddin @ Md Jamel Sulaiman & 1 Lagi*.⁹²⁰ Hakim Mahkamah Rayuan Syariah menolak rayuan Perayu dan semasa memutuskan berkaitan dengan beban pembuktian terhadap kewujudan transaksi hibah menyatakan Perayu-perayu merupakan orang yang mendakwa tentang fakta wujudnya dokumen Surat Cara Hibah iaitu suatu fakta yang asalnya tidak wujud berdasarkan *maksim fiqh*. Oleh itu, beban untuk membuktikan bahawa dokumen surat cara-surat cara hibah tersebut wujud atau tidak adalah terletak di bahu Perayu-perayu dan bukannya Responden-responden. Atau dengan kata lain, Perayu-perayu yang dipertanggungjawabkan untuk mengemukakan dokumen asal surat cara-surat cara hibah semasa perbicaraan di mahkamah tinggi syariah.

Dokumen hibah diterima oleh mahkamah sebagai bayinah yang membuktikan kewujudan hibah. Hal ini dapat dilihat melalui semua kes yang telah dianalisis oleh pengkaji di atas kecuali dalam kes *Efriana Ratnawati binti Ahsari dan 3 Yang Lain lwn Sherly Yusnita binti Bashri dan 4 Yang Lain*⁹²¹ kerana dokumen dalam kes ini bukan

⁹¹⁸ n.a. 12 September 2019. "Al-Kafi #1365: Adakah Hibah Memerlukan Persetujuan Ahli Waris Yang Lain". Al-Kafi Li al-Fatawi. *Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan*. <https://muftiwp.gov.my/ms/artikel/al-kafi-li-al-fatawi/3680-al-kafi-1365-adakah-hibah-memerlukan-persetujuan-ahli-waris-yang-lain>. Diakses pada 10 Jan. 2024.

⁹¹⁹ *Irwandi bin Adap lwn Apong bin Moet*. Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Sabah. Tawau. Kes Mal No.: 12400-044-0177-2012 dan 12400-005-0327-2014.

⁹²⁰ *Ramlah Sulaiman & 4 Yg Lain lwn Jamaluddin @ Md Jamel Sulaiman & 1 Lagi* [2016] 1 JH 42 88.

⁹²¹ *Efriana Ratnawati binti Ahsari dan 3 Yang Lain lwn Sherly Yusnita binti Bashri dan 4 Yang Lain*. Mahkamah Tinggi Syariah Wilayah Persekutuan. Kuala Lumpur. Kes Mal No.: 14600-044-0675-2015.

merupakan dokumen hibah sepenuhnya, namun berbentuk ikatan amanah. Senario ini bersesuaian dengan keputusan dalam kes *Mahdi b. Ab. Hamid lwn Mohamad Iqwan b. Yahya*⁹²² yang mengukuhkan keputusan kes tersebut dengan menyatakan Borang 14A bukanlah dokumen hibah *per se* seperti mana dokumen Surat Ikatan Hibah yang biasa dibuat. Penerimaan Borang 14A sebagai dokumen hibah hanya boleh dibuat sekiranya ada keterangan-keterangan lain yang menunjukkan transaksi pindah milik melalui borang tersebut merupakan hibah.

Pengkaji mendapati dokumen hibah *per se* boleh membuktikan kewujudan hibah tersebut sebagaimana dijelaskan dalam kes yang dinyatakan sebelum ini, dan juga pandangan hakim dalam kes rayuan *Efriana Ratnawati binti Ahsari dan 3 Yang Lain lwn Sherly Yusnita binti Bashri dan 4 Yang Lain*⁹²³ dan kes *Mahdi b. Ab. Hamid lwn Mohamad Iqwan b. Yahya*.⁹²⁴ Ruang bagi dokumen hibah tersebut supaya diterima dalam membuktikan kewujudan hibah adalah dengan cara pengakuan pembuat hibah tersebut seperti yang diputuskan dalam kes *Norbina binti Nordin lwn Nur Rashidah binti Razuan dan Razuan bin Abas*⁹²⁵ dan *Khairul Bariah binti Ahmad lwn Fatin Nabilah binti Mohd Radzuan*.⁹²⁶

Dokumen hibah juga boleh membuktikan hibah melalui keterangan dua orang saksi yang menyaksikan majlis akad hibah tersebut berlangsung termasuklah saksi tersebut turut

⁹²² *Mahdi b. Ab. Hamid lwn Mohamad Iqwan b. Yahya*. Mahkamah Rayuan Syariah Negeri Selangor. Shah Alam. Kes Mal No.: 10000-044-0042-2015.

⁹²³ *Efriana Ratnawati binti Ahsari dan 3 Yang Lain lwn Sherly Yusnita binti Bashri dan 4 Yang Lain*. Mahkamah Rayuan Syariah Wilayah Persekutuan. Kuala Lumpur. Kes Rayuan No.: 14000-044-0097-2016.

⁹²⁴ *Mahdi b. Ab. Hamid lwn Mohamad Iqwan b. Yahya*. Mahkamah Rayuan Syariah Negeri Selangor. Shah Alam. Kes Mal No.: 10000-044-0042-2015.

⁹²⁵ *Norbina binti Nordin lwn Nur Rashidah binti Razuan dan Razuan bin Abas*. Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Sembilan. Seremban. Kes Mal Bil: 05200-044-0225-2016.

⁹²⁶ *Khairul Bariah binti Ahmad lwn Fatin Nabilah binti Mohd Radzuan*. Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Selangor. Shah Alam. Saman No.: 10100-044-0722-2018.

mengetahui dan melihat pembuktian pemilikan barang yang dihibah telah memenuhi syarat seperti dalam kes *Zuraya binti Zahari dan 1 Lagi lwn Rohaya binti Long dan 5 Yang Lain*;⁹²⁷ *Wan Maslinda binti Hj Ibrahim lwn Meriam binti Mamat dan 2 Yang Lain*;⁹²⁸ *Fatimah binti Abdul Ghani lwn Muhamad bin Abdul Ghani*;⁹²⁹ *Aridah binti Dulmukti lwn Samingah binti Dolmukti @ Dulmukti dan 1 Yang Lain*;⁹³⁰ *Rabiya binti Mohamad Sultan lwn Hamedada binti Mohamad Sultan dan 7 Yang Lain*;⁹³¹ dan *Permohonan Pengesahan Hibah Noor Zanah binti Dani*.⁹³²

Pengkaji mendapati bahawa terdapat juga kes pengesahan hibah yang menggunakan dokumen hibah dan disokong dengan keterangan dua orang saksi memerlukan keterangan dokumen lain bagi membuktikan kewujudan hibah telah dipenuhi seperti dokumen kad pengenalan; geran tanah; pemilikan saham syarikat; dan lain-lain. Hal ini boleh dilihat dalam kes *Abdul Wafry Nur Iman bin Abdul Manan lwn Abdul Mukhriz Nur Iman bin Abdul Manan dan 7 Yang Lain*;⁹³³ *Khairul Bariah binti Ahmad lwn Fatin Nabilah binti Mohd Radzuan*;⁹³⁴ dan *Wan Maslinda binti Hj Ibrahim lwn Meriam binti Mamat dan 2 Yang Lain*.⁹³⁵

⁹²⁷ *Zuraya binti Zahari dan 1 Lagi lwn Rohaya binti Long dan 5 Yang Lain*. Mahkamah Tinggi Syariah Wilayah Persekutuan. Kuala Lumpur. Permohonan No.: 14600-041-0909-2011.

⁹²⁸ *Wan Maslinda binti Hj Ibrahim lwn Meriam binti Mamat dan 2 Yang Lain*. Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Terengganu. Kuala Terengganu. Saman No.: 11100-044-0142-2019.

⁹²⁹ *Fatimah binti Abdul Ghani lwn Muhamad bin Abdul Ghani*. Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Terengganu. Kuala Terengganu. Saman No.: 11200-044-0279-2014.

⁹³⁰ *Aridah binti Dulmukti lwn Samingah binti Dolmukti@Dulmukti dan 1 Yang Lain*. Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Selangor. Shah Alam. Saman No.: 10300-044-0535-2013.

⁹³¹ *Rabiya binti Mohamad Sultan lwn Hamedada binti Mohamad Sultan dan 7 Yang Lain*. Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Selangor. Shah Alam. Kes Mal No.: 10200-044-0503-2014.

⁹³² *Permohonan Pengesahan Hibah Noor Zanah binti Dani*. Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Sabah. Tawau. Kes Mal No.: 12400-044-0590-2017.

⁹³³ *Abdul Wafry Nur Iman bin Abdul Manan lwn Abdul Mukhriz Nur Iman bin Abdul Manan dan 7 Yang Lain*. Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Perak. Ipoh. Kes Mal No.: 08100-044-0100-2019.

⁹³⁴ *Khairul Bariah binti Ahmad lwn Fatin Nabilah binti Mohd Radzuan*. Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Selangor. Shah Alam. Saman No.: 10100-044-0722-2018.

⁹³⁵ *Wan Maslinda binti Hj Ibrahim lwn Meriam binti Mamat dan 2 Yang Lain*. Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Terengganu. Kuala Terengganu. Saman No.: 11100-044-0142-2019.

5.4.2. Prinsip Penerimaan Dokumen Hibah sebagai Keterangan di Mahkamah Syariah

Undang-undang keterangan yang berkuat kuasa telah menetapkan proses tertentu sebelum Hakim Bicara boleh menerima masuk sesuatu dokumen persendirian ke dalam mahkamah. Pengkaji berpendapat bahawa pemahaman tentang prinsip-prinsip yang diguna pakai lebih mudah difahami dengan menggunakan pendekatan menjawab soalan. Apabila satu-satu pihak ingin mengemukakan keterangan di mahkamah, maka mahkamah hendaklah menjawab soalan yang disertakan ini sebelum menerima masuk dokumen persendirian sebagai keterangan. Soalan pertama: “Adakah fakta yang ingin dikemukakan itu merupakan satu fakta yang relevan?” Soalan kedua: “Adakah terdapat sebarang halangan kepada penerimaan masuk keterangan tersebut dalam undang-undang keterangan?” Jika jawapan kepada soalan pertama adalah positif dan jawapan kepada soalan kedua adalah tiada, maka keterangan tersebut adalah relevan dan boleh diterima masuk oleh mahkamah. Selepas melepasi peringkat tersebut maka hakim akan menentukan nilai satu-satu dokumen tersebut.⁹³⁶

Hasil analisis keseluruhan berkaitan dengan kes-kes hibah yang dinyatakan sebelum ini menunjukkan bahawa pemahaman Hakim Bicara berkaitan dengan prinsip penerimaan dan penolakan dokumen persendirian yang ditetapkan oleh undang-undang keterangan syariah berada pada tahap yang membimbangkan. Pertama: prinsip penerimaan keterangan ini sepatutnya digunakan semasa perbicaraan oleh Hakim Bicara semasa mempertimbangkan sesuatu dokumen itu relevan atau sebaliknya. Sekiranya kaedah

⁹³⁶ Jal Zabdi Mohd. Yusoff. 2008. *Pengenalan Undang-Undang Keterangan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya. p. 12.

pengurusan kes dijalankan maka prinsip dalam soalan pertama yang dinyatakan sebelum ini perlu diaplikasikan semasa proses tersebut. Namun, berdasarkan analisis alasan penghakiman yang dikemukakan dalam bab ini, terdapat Yang Arif Hakim Bicara menerima masuk dokumen persendirian tanpa melalui kedua-dua proses sama ada melalui perbicaraan mahupun pengurusan kes. Tindakan ini secara jelas berlawanan dengan prinsip yang dinyatakan oleh undang-undang keterangan syariah seperti yang berlaku dalam kes *Siti Hajar binti Alias & Farah Khadijah binti Khalid lwn Shahrin bin Mohamad dan 4 Yang Lain*.⁹³⁷

Sekiranya sesuatu dokumen itu diterima masuk melalui perbicaraan ataupun pengurusan kes, dokumen tersebut kebiasaannya akan ditandakan dengan menggunakan tanda P, D atau ID bagi kes saman seperti *Badri bin Daud lwn Salbiah binti Mat Mordi dan 8 Yang Lain*,⁹³⁸ dan *Shamsul Bahar bin Abu Bakar & 2 lain lwn Noraini binti Abu Bakar & 2 Lain*⁹³⁹ iaitu kes-kes yang dinyatakan sebelum ini. Sekiranya dokumen tersebut dikemukakan masuk melalui permohonan maka kebiasaannya dokumen tersebut akan ditandai dengan tanda “ekshibit” seperti dalam kes *Permohonan Pengesahan Hibah Noor Zanah binti Dani*⁹⁴⁰ dan *Irwandi bin Adap lwn Apong bin Moet*.⁹⁴¹ Namun istilah “P, D atau ID” atau “ekshibit” tersebut tidak digunakan dalam kes *Siti Hajar binti Alias & Farah Khadijah binti Khalid lwn Shahrin bin Mohamad dan 4 Yang Lain*,⁹⁴² kerana Yang Arif

⁹³⁷ *Siti Hajar binti Alias & Farah Khadijah binti Khalid lwn Shahrin bin Mohamad dan 4 Yang Lain*. Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Selangor. Shah Alam. Kes Mal No.: 2302-H0210-331-0084.

⁹³⁸ *Badri bin Daud lwn Salbiah binti Mat Mordi dan 8 Yang Lain*. Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Selangor. Shah Alam. Saman No.: 10400-044-0455-2013.

⁹³⁹ *Shamsul Bahar bin Abu Bakar & 2 lain lwn Noraini binti Abu Bakar & 2 Lain*. Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Selangor. Shah Alam. Saman No.: 10400-044-0534-2014. (Tidak dilaporkan).

⁹⁴⁰ *Permohonan Pengesahan Hibah Noor Zanah binti Dani*. Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Sabah. Tawau. Kes Mal No.: 12400-044-0590-2017.

⁹⁴¹ *Irwandi Bin Adap lwn Apong bin Moet*. Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Sabah. Tawau. Kes Mal No.: 12400-044-0177-2012 dan 12400-005-0327-2014.

⁹⁴² *Siti Hajar binti Alias & Farah Khadijah binti Khalid lwn Shahrin bin Mohamad dan 4 Yang Lain*. Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Selangor. Shah Alam. Kes Mal No.: 2302-H0210-331-0084.

Hakim hanya menggunakan istilah “lampiran”. Istilah lampiran ini merupakan suatu salinan dokumen yang dilampirkan semasa mendaftarkan tuntutan di mahkamah tanpa disemak kesahihannya seperti yang ditetapkan oleh undang-undang keterangan yang berkuatkuasa di Mahkamah Syariah di Malaysia.

Kedua, pengkaji mendapati terdapat kes yang tidak mengulas langsung mengenai prinsip pemakaian dokumen ini dalam penghakimannya iaitu dalam kes *Norbina binti Nordin lwn Nur Rashidah binti Razuan dan Razuan bin Abas*;⁹⁴³ *Zaiton binti Mohamad lwn Khursiah Jan binti Wali Ahmad dan 3 Yang Lain*;⁹⁴⁴ *Rabiya binti Mohamad Sultan lwn Hamedata binti Mohamad Sultan dan 7 Yang Lain*;⁹⁴⁵ *Nur Huda bt Harith lwn Harith bin Abd Rahman dan Seorang Lagi*;⁹⁴⁶ *Sarifah binti Ghafar lwn Siti Nadzirah binti Mohammad Noor dan 4 Yang Lain*;⁹⁴⁷ *Khairul Bariah binti Ahmad lwn Fatin Nabilah binti Mohd Radzuan*;⁹⁴⁸ *Efriana Ratnawati binti Ahsari dan 3 Yang Lain lwn Sherly Yusnita binti Bashri dan 4 Yang Lain*;⁹⁴⁹ dan *Siti Hajar binti Alias & Farah Khadijah binti Khalid lwn Shahrin bin Mohamad dan 4 Yang Lain*.⁹⁵⁰

Yang Arif Hakim Bicara memutuskan kes-kes ini dengan merujuk kepada dokumen hibah namun tiada sebarang penjelasan berkaitan dengan alasan di sebalik penerimaan

⁹⁴³ *Norbina binti Nordin lwn Nur Rashidah binti Razuan dan Razuan bin Abas*. Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Sembilan. Seremban. Kes Mal No.: 05200-044-0225-2016.

⁹⁴⁴ *Zaiton binti Mohamad lwn Khursiah Jan binti Wali Ahmad dan 3 Yang Lain*. Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Selangor. Shah Alam. Saman No.: 10300-044-0503-2014.

⁹⁴⁵ *Rabiya binti Mohamad Sultan lwn Hamedata binti Mohamad Sultan dan 7 Yang Lain*. Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Selangor. Shah Alam. Kes Mal No.: 10200-044-0503-2014.

⁹⁴⁶ *Nur Huda bt Harith lwn Harith bin Abd Rahman dan Seorang Lagi pula*. Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Selangor. Shah Alam. Saman No.: 10400-044-0008-2015.

⁹⁴⁷ *Sarifah binti Ghafar lwn Siti Nadzirah binti Mohammad Noor dan 4 Yang Lain pula*. Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Selangor. Shah Alam. Saman No.: 10400-044-0222-2017.

⁹⁴⁸ *Khairul Bariah binti Ahmad lwn Fatin Nabilah binti Mohd Radzuan*. Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Selangor. Shah Alam. Saman No.: 10100-044-0722-2018.

⁹⁴⁹ *Efriana Ratnawati binti Ahsari dan 3 Yang Lain lwn Sherly Yusnita binti Bashri dan 4 Yang Lain*. Mahkamah Tinggi Syariah Wilayah Persekutuan. Kuala Lumpur. Kes Mal No.: 14600-044-0675-2015.

⁹⁵⁰ *Siti Hajar binti Alias & Farah Khadijah binti Khalid lwn Shahrin bin Mohamad dan 4 Yang Lain*. Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Selangor. Shah Alam. Kes Mal No.: 2302-H0210-331-0084.

masuk dokumen tersebut ke dalam mahkamah. Bahkan huraian Yang Arif Hakim Bicara lebih fokus kepada penjelasan rukun hibah dan *qabḍ* dari sudut hukum syarak sahaja. Hal ini menunjukkan bahawa proses tapisan penerimaan dokumen tersebut boleh dipertikaikan kerana pembuktian terhadap ketulenan dan kesahihan kandungan dokumen tidak diperiksa.

Ketiga, sebelum sesuatu dokumen itu diterima masuk ke dalam mahkamah sebagai keterangan, dokumen tersebut hendaklah diputuskan sebagai relevan dan dibuktikan terlebih dahulu ketulenan dan kesahihan kandungan dokumen tersebut. Tindakan ini ia merupakan tanggungjawab asas yang paling penting bagi seorang hakim bagi memastikan perbicaraan yang dikendalikan adalah adil. Proses pertimbangan penerimaan atau penolakan dokumen hendaklah dinyatakan dalam alasan penghakiman Hakim Bicara bagi mengelakkan ketidakadilan seperti dalam kes *Abdul Wafry Nur Iman bin Abdul Manan lwn Abdul Mukhriz Nur Iman bin Abdul Manan dan 7 Yang Lain*.⁹⁵¹ Dalam kes ini, Yang Arif Hakim menyatakan dokumen diterima masuk kerana pihak Defendan tiada sebarang bantahan. Selain kes ini, hanya kes *Shamsul Bahar bin Abu Bakar & 2 Lain lwn Noraini binti Abu Bakar & 2 Lain*;⁹⁵² dan *Badri bin Daud lwn Salbiah binti Mat Mordi dan 8 Yang Lain*,⁹⁵³ sahaja yang menerangkan alasan penerimaan dan penolakan dokumen tersebut.

Keempat, setelah mahkamah membuat keputusan untuk sesuatu dokumen itu diterima atau ditolak, Yang Arif Hakim bicara hendaklah membuat penandaan bagi dokumen tersebut berdasarkan kepada kehendak undang-undang. Dokumen yang dikemukakan sebagai keterangan dan diterima hendaklah ditandai dan hendaklah disimpan di dalam

⁹⁵¹ *Abdul Wafry Nur Iman bin Abdul Manan lwn Abdul Mukhriz Nur Iman Bin Abdul Manan dan 7 Yang Lain*. Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Perak. Ipoh. Kes Mal No.: 08100-044-0100-2019.

⁹⁵² *Shamsul Bahar bin Abu Bakar & 2 Lain lwn Noraini binti Abu Bakar & 2 Lain*. Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Selangor. Shah Alam. Saman No.: 10400-044-0534-2014. (Tidak dilaporkan).

⁹⁵³ *Badri bin Daud lwn Salbiah binti Mat Mordi dan 8 Yang Lain*. Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Selangor. Shah Alam. Saman No.: 10400-044-0455-2013.

mahkamah sementara menanti prosiding itu berakhir, dan sehingga habis tempoh masa untuk rayuan. Selain dokumen yang diterima sesuatu dokumen atau ekshibit lain yang dikemukakan sebagai keterangan tetapi telah ditolak hendaklah juga ditandai bagi maksud pengenalpastian.⁹⁵⁴

Berdasarkan amalan semasa, dokumen persendirian yang telah dikenal pasti atau sebagai dokumen pengenalan akan ditandai sebagai “ID”, manakala penandaan dokumen persendirian yang diterima oleh mahkamah akan ditandai sebagai “P” untuk Plaintiff dan “D” untuk Defendan. Penanda terhadap dokumen yang dikemukakan kepada mahkamah ini dibuat dengan tujuan untuk memudahkan Hakim Bicara membuat penilaian dan memberikan nilai probatif pada hujung kes nanti sebelum kes diputuskan. Namun keadaan ini tidak berlaku dalam kes *Norbina binti Nordin lwn Nur Rashidah binti Razuan dan Razuan bin Abas*;⁹⁵⁵ *Rabiya binti Mohamad Sultan lwn Hamedah binti Mohamad Sultan dan 7 Yang Lain*;⁹⁵⁶ *Nur Huda bt Harith lwn Harith bin Abd Rahman dan Seorang Lagi*;⁹⁵⁷ *Sarifah binti Ghafar lwn Siti Nadzirah binti Mohammad Noor dan 4 Yang Lain*;⁹⁵⁸ *Khairul Bariah binti Ahmad lwn Fatim Nabilah binti Mohd Radzuan*;⁹⁵⁹ *Efriana Ratnawati binti*

⁹⁵⁴ Malaysia. 1998. *Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1998*. (Akta 585). Seksyen 125.

⁹⁵⁵ *Norbina binti Nordin lwn Nur Rashidah binti Razuan dan Razuan bin Abas*. Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Sembilan. Seremban. Kes Mal No.: 05200-044-0225-2016.

⁹⁵⁶ *Rabiya binti Mohamad Sultan lwn Hamedah binti Mohamad Sultan dan 7 Yang Lain*. Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Selangor. Shah Alam. Kes Mal No.: 10200-044-0503-2014.

⁹⁵⁷ *Nur Huda bt Harith lwn Harith bin Abd Rahman dan Seorang Lagi pula*. Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Selangor. Shah Alam. Saman No.: 10400-044-0008-2015.

⁹⁵⁸ *Sarifah binti Ghafar lwn Siti Nadzirah binti Mohammad Noor dan 4 Yang Lain pula*. Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Selangor. Shah Alam. Saman No.: 10400-044-0222-2017.

⁹⁵⁹ *Khairul Bariah binti Ahmad lwn Fatim Nabilah binti Mohd Radzuan*. Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Selangor. Shah Alam. Saman No.: 10100-044-0722-2018.

*Ahsari dan 3 Yang Lain lwn Sherly Yusnita binti Bashri dan 4 Yang Lain;*⁹⁶⁰ dan *Siti Hajar binti Alias & Farah Khadijah binti Khalid lwn Shahrin bin Mohamad dan 4 Yang Lain.*⁹⁶¹

Akhir sekali, pengkaji mendapati hanya tiga daripada 21 kes yang dianalisis iaitu kes *Badri bin Daud lwn Salbiah binti Mat Mordi dan 8 Yang Lain;*⁹⁶² *Shamsul Bahar bin Abu Bakar & 2 Lain lwn Noraini binti Abu Bakar & 2 Lain;*⁹⁶³ dan *Irwandi bin Adap lwn Apong bin Moet*⁹⁶⁴ yang telah menunjukkan dan menjelaskan proses tapisan seperti yang ditetapkan oleh undang-undang. Selain itu, satu-satunya prinsip yang sentiasa dipatuhi oleh Hakim Bicara adalah memastikan semua dokumen yang diterima masuk dalam perbicaraan pengesahan hibah ini ialah suatu dokumen yang relevan. Walaupun Yang Arif Hakim Bicara tidak menyatakan secara jelas namun anggapan ini boleh difahami daripada tindakan yang tetap menerima dokumen tersebut dalam menentukan semua rukun hibah dan elemen *qabd* telah dipenuhi sebelum hibah tersebut diputuskan sah atau sebaliknya. Keadaan ini dapat dilihat dalam semua kes yang dianalisis.

Dalam konteks prinsip penerimaan dan penolakan dokumen hibah elektronik pula, pengkaji tidak dapat menilai kefahaman Yang Arif Hakim Bicara mengenai isu ini kerana penggunaan dokumen elektronik ini masih baharu di peringkat industri pengurusan harta orang Islam. Selain itu, pengkaji tidak boleh membuat penilaian hanya berdasarkan satu kes sahaja kerana tindakan tersebut boleh mendorong kepada berlakunya kesilapan atau

⁹⁶⁰ *Efriana Ratnawati binti Ahsari dan 3 Yang Lain lwn Sherly Yusnita binti Bashri dan 4 Yang Lain.* Mahkamah Tinggi Syariah Wilayah Persekutuan. Kuala Lumpur. Kes Mal No.: 14600-044-0675-2015.

⁹⁶¹ *Siti Hajar binti Alias & Farah Khadijah binti Khalid lwn Shahrin bin Mohamad dan 4 Yang Lain.* Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Selangor. Shah Alam. Kes Mal No.: 2302-H0210-331-0084.

⁹⁶² *Badri bin Daud lwn Salbiah binti Mat Mordi dan 8 Yang Lain.* Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Selangor. Shah Alam. Saman No.: 10400-044-0455-2013.

⁹⁶³ *Shamsul Bahar bin Abu Bakar & 2 Lain lwn Noraini binti Abu Bakar & 2 Lain.* Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Selangor. Shah Alam. Saman No.: 10400-044-0534-2014.

⁹⁶⁴ *Irwandi bin Adap lwn Apong bin Moet.* Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Sabah. Tawau. Kes Mal No.: 12400-044-0177-2012 dan 12400-005-0327-2014.

kesalahan dalam membuat penilaian. Dari sudut penggunaan dokumen elektronik dalam kes hibah, pengkaji mendapati berdasarkan analisis kes di atas, penggunaannya masih di peringkat awal dan jarang dijumpai di dalam perbicaraan kes hibah. Hal ini boleh difahami berdasarkan dokumen persendirian elektronik hibah ini baru diperkenalkan pada sekitar tahun 2020 yang lalu ketika negara kita dilanda wabak covid 19.

Namun penggunaan dokumen persendirian elektronik ini bukanlah asing di Mahkamah Syariah kerana ia turut digunakan dalam kes lain. Pengkaji mendapati pengendalian dan penerimaan dokumen persendirian elektronik perlu diuruskan dengan teliti dan cermat kerana dokumen seperti ini lebih mudah terdedah kepada pemalsuan dan penipuan. Justeru hakim hendaklah memahami secara ketat keperluan undang-undang keterangan syariah sebelum boleh menerima masuk sebarang dokumen persendirian elektronik tersebut. Sekiranya hakim tidak memahami proses dan prosedur yang ditetapkan oleh undang-undang keterangan syariah maka kita akan memperolehi hasil yang sama bahkan mungkin lebih rendah daripada seperti dokumen fizikal. Anggapan ini bersandarkan kehendak undang-undang dalam menangani dokumen persendirian elektronik adalah lebih rumit berbanding dengan dokumen fizikal.

Jika dilihat berdasarkan hasil analisis berkaitan dengan dokumen hibah, menunjukkan bahawa kefahaman dan tindakan Yang Arif Hakim Bicara dalam memutuskan penerimaan dokumen persendirian tersebut berada di tahap sederhana sahaja. Namun sekiranya melibatkan proses penerimaan dokumen persendirian elektronik, pemahaman Yang Arif Hakim Bicara agak agak membimbangkan. Kaedah pengukuran dalam menentukan tahap pemahaman hakim bicara adalah berdasarkan hasil analisis pengkaji yang menunjukkan bahawa 12 kes daripada 21 kes yang dikaji menunjukkan

penerimaan Yang Arif Hakim dokumen persendirian dalam kes hibah di Mahkamah Syariah di Malaysia ini adalah berlawanan dengan kehendak Seksyen 56 Akta/Enakmen/Ordinan Keterangan Mahkamah Syariah negeri.

Pemahaman Yang Arif Hakim Bicara dalam isu ini amat penting bagi mengelakkan ketidakadilan kepada pihak-pihak yang bertikai terutama berkaitan dokumen persendirian elektronik. Hal ini disebabkan kerana terdapat kajian yang menunjukkan tahap kesedaran responden terhadap pemalsuan dokumen di mahkamah syariah adalah pada tahap sederhana. Hal ini disebabkan oleh kurang pengetahuan dari segi kepentingan dokumen dan kurangnya penguatkuasaan Undang-undang Syariah itu sendiri. Responden yang terdiri daripada hakim syarie, pegawai Syariah, peguam syarie, pensyarah serta pelajar Syariah dan undang-undang di Negeri Selangor, Negeri Sembilan serta Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya.⁹⁶⁵

Pengkaji mendapati kesemua dokumen hibah yang digunakan di dalam kes-kes yang dikaji ini telah disediakan oleh pelbagai pihak iaitu sebanyak empat(4) kes menggunakan dokumen hibah yang disediakan sendiri oleh orang perseorangan, sebanyak empat (4) kes menggunakan dokumen hibah yang disediakan oleh peguam atau peguam syarie, lima (5) kes menggunakan dokumen hibah yang tidak dijelaskan penyedia dokumen tersebut, lima (5) kes menggunakan dokumen hibah syarikat atau syarikat amanah, satu kes melalui dokumen syarikat pelaburan dan satu kes menggunakan dokumen hibah yang disediakan oleh bank melalui anak syarikatnya.

⁹⁶⁵ Wan Abdul Fattah Wan Ismail, Zul Hilmi Abdullah, Abd Hamid Abd Murad, Nurfadhilah Che Amani, Lukman Abdul Mutalib, Lukmanul Hakim Hanafi & Madihah Mohammad Khir. 2015. "Bentuk-Bentuk Pemalsuan Dokumen Menurut Fiqh dan Perundangan Islam di Malaysia: Satu Analisa". *The E-Journal of Sultan Alauddin Sulaiman Shah*. Bangi: Penerbit KUIS. Vol. 2. No. 1. p. xx.

Berdasarkan analisa terhadap dokumen-dokumen ini, pengkaji mendapati dokumen-dokumen tersebut adalah tidak seragam dan berbeza-beza samada dari sudut jenis hibah mahupun istilah yang digunakan. Pengkaji mendapati situasi yang dinyatakan ini akan mengakibatkan kesan-kesan yang berbeza terhadap pelaksanaan hibah yang terlibat seperti perbezaan dalam keputusan berkaitan kesahan hibah tersebut ataupun pembuktian rukun hibah yang berbeza di antara satu sama lain. Walau bagaimanapun, bagi tujuan mendapatkan pengesahan hibah, kandungan dari sudut rukun dan syarat hibah yang dinyatakan dalam dokumen hibah yang dianalisa adalah memenuhi kehendak hukum syarak.

5.5. Rumusan

Dokumen hibah *per se* boleh membuktikan kewujudan hibah dengan cara pengakuan pembuat hibah atau keterangan dua orang saksi. Saksi-saksi berkenaan turut mengetahui dan melihat bukti pemilikan barang hibah yang dihibah telah memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan. Selain itu, terdapat juga kes pengesahan hibah yang menggunakan dokumen hibah dan disokong dengan keterangan dua orang saksi memerlukan keterangan dokumen lain bagi membuktikan rukun dan syarat hibah. Kajian ini mendapati aspek proses penerimaan sesuatu keterangan kurang diberi penekanan dalam alasan-alasan penghakiman kes hibah ini. Kebanyakan hakim hanya mengulas aspek tersebut secara umum sahaja ataupun tidak dijelaskan langsung. Ini termasuklah pertimbangan hakim terhadap proses pengemukaan, pembuktian, penolakan dan penerimaan dokumen persendirian.